



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESOR MADYA DR NIK ROSMAWATI BINTI NIK HUSAIN**

OLEH:

NUR FIKA UMAIRAH BINTI BONIYAMIN	2019720595
FATIN NAZIRAH BINTI ZAINUL ANUAR	2019702477

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC-OGOS 2021)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESOR MADYA DR NIK ROSMAWATI BINTI NIK HUSAIN

OLEH:

NUR FIKA UMAIRAH BINTI BONIYAMIN	2019720595
FATIN NAZIRAH BINTI ZAINUL ANUAR	2019702477

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC – OGOS 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.r.t.....

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya setelah bertungkus lumus dapat kami menyiapkan tugas berkumpulan Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Terlebih dahulu, jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah mata pelajaran Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) kami iaitu Puan Nurulannisa Abdullah. Beliau telah banyak membantu kami dalam menjalankan tugas ini dan telah berusaha memastikan agar segala penyampaian pengajarannya difahami oleh kami.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan kami yang banyak memberi sokongan dan kerjasama yang erat kepada kami semasa proses menyiapkan tugas ini. Budi baik rakan-rakan semua, kami ucapkan berbilang terima kasih. Tanpa mereka mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan tugas ini, kami ucapkan berbilang terima kasih dan setinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat. Sekian, Wassalam.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual dilakukakan bersama Prof Madya Dr. Nik Rosmawati Binti Nik Husain untuk mengetahui serba sedikit tentang perkhidmatan beliau sebagai Doktor Pakar Perubatan. Beliau merupakan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2007 di peringkat kebangsaan. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Prof Madya Dr. Nik Rosmawati Binti Nik Husain telah berkhidmat selama 24 tahun bermula 1997. Bermula Tahun 2008, beliau telah menjadi pensyarah perubatan bagi kesihatan persekitaran. Beliau juga merupakan penerima Most popular vote award for oral presentation, bagi tajuk “Effect of Food Nutrition Intervention on Food Handlers’ Knowledge and Competitive Food Serving: A Randomized Controlled Trial” pada tahun 2015. Beliau telah menerbitkan 5 buah buku dan 15 kertas penyelikan hasil karya beliau sendiri. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi dan contoh kepada semua orang.*

Kata Kunci: *Pakar Perubatan, Makanan dan Pemakanan, Kesihatan, Pendidikan, Mikrobiologi*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi	
Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata	
Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang	
Tokoh.....	1-8
Bahagian B: Sejarah	
Pendidikan.....	9-27
Bahagian C: Pengalaman	
Kerjaya.....	28-62
Bahagian D: Pencapaian.....	63-66
Bahagian E:	
Sumbangan.....	67-76
Bahagian F:	
Harapan.....	77-82

Lampiran

Log	
Wawancara.....	83-89
Diari	
Kajian.....	90-91
Senarai	
soalan.....	92-105
Surat	
Perjanjian.....	106
Gambar.....	107
Indeks.....	108

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Prof Madya Dr Nik Rosmawati Nik Husain
Umur :
Tarikh Lahir :
Pekerjaan : Pakar Perubatan Kesihatan Awam di Pusat Pengajian Sains
Perubatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia
Tempat Tinggal : Kota Bharu, Kelantan.
Kampung Asal : Pasir Putih, Kelantan
No Telephone :
Nama Suami :

PENGENALAN

PENGENALAN

Bukan mudah untuk bergelar ilmuwan yang mampu menjadi tokoh pendidikan kepada masyarakat. Beliau adalah penerima Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar pada Hari Sayyidatina Khadijah 2018. Beliau merupakan tokoh Wanita hebat di negeri Kelantan. Beliau adalah Prof. Madya Dr. Nik Rosmawati yang telah dilahirkan pada di Kampung Lembah Semerak, Pasir Putih, Kelantan. Beliau yang kini berumur dikenali dengan peribadinya yang lembut dan sopan santun membuatkan orang-orang yang disekilingnya mudah berinteraksi dengan beliau. Beliau juga mesra dengan panggilan “Kak Nik”. Beliau berkongsi hidup dengan dengan perkahwinan pada 1997 yang telah berusia 24 tahun dan dikurniakan orang cahaya mata iaitu lelaki dan perempuan.

Beliau merupakan anak ke dari beradik yang sangat rajin membantu ibu dan ayahnya yang bekerja sebagai petani. Beliau merupakan keturunan “Nik” yang merupakan keturunan raja-raja pada suatu ketika dahulu. Menurut (Fflur, 2019) keturunan Nik diperoleh dari gelaran atau pangkat raja-raja zaman dulu kala yang merupakan keturunan bangsawan dan pembesar. Dalam kalangan masyarakat tradisional Kelantan, nama yang mempunyai Nik membawa status sosial yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat. Selain itu, Nik juga diberikan kepada anak hasil perkahwinan kerabat diraja lelaki dengan Wanita yang tidak berdarah kerabat.

Prof Nik Rosmawati telah mendapat Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kampung Sepulau, Pasir Puteh. Kemudian melanjutkan pengajian nye ke Sekolah Menengah Gong Kedak yang kini dikenali sebgai Sekolah Menengah Dato Ismail. Setelah memperoleh keputusan cemerlang ketika di tingkatan tiga, beliauu melanjutkan ke sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Sains Machang yang merupakan salah satu sekolah elit di Kelantan dan menjadi pelajar terbaik pada ketika itu. Semasa di sekolah, beliau amat gemar dengan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Matematik. Beliau juga seorang yang aktif bersukan seperti acara lari pecut 4X100m dan Bola jarring.

Tamat tempoh persekolahan, Prof Nik telah menyambung pelajaran ke Matrikulasi di Kedah, kemudian melanjutkan pengajiannya ke Universiti Sains Malaysia dalam bidang perubatan selama 5 tahun. Beliau juga bergiat aktif ketika di peringkat university dan telah menjadi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Kehebatan beliau amat dipuji kerana dapat membahagikan masa dengan baik kepada urusan belajar dan aktiviti pelajar.

Permulaan kejayaan beliau bermula setelah tamat Ijazah Doktor Perubatan di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1997 dengan menjadi doktor pelatih di Hospital Sulatanah Nur Zaherah, Terengganu. Kemudian beliau ditempatkan sebagai pegawai perubatan dan kesihatan di Klinik Kesihatan Sungai Pinang, Tumpat, Kelantan pada tahun 1998. Sepanjang perkhidmatan sebagai seorang doktor perubatan, beliau telah dianugerahkan dengan pelbagai pencapaian antaranya adalah :

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (2007)
- *Best Poster Presentation in Clinical Science* (Tempat Ke-3) untuk pembentangan poster saintifik semasa 3rd National Conference on Medical Sciences pada tahun 2008
- *Best Oral Presentation* untuk pembentangan Poster Saintifik *semasa 16th National Conference on Medical and Health Science* (2011)
- Anugerah Khas PAPISMA atas kecemerlangan melibatkan diri dalam aktiviti PAPISMA Kelantan (2012)

Beliau telah menyambung pelajar di peringkat sarjana pada 2001 dalam bidang *public health*. Pada tahun 2005, beliau merupakan penolong pengarah bagi Unit Kawalan TB/Kusta seterusnya menjadi Pakar Perubatan Kesihatan Awam di Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia pada 2008 sehingga kini.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang perubatan yang pakar perubatan kesihatan awam. Bersama-sama kami ialah Prof Madya Dr Nik Rosmawati Nik Husain yang merupakan seorang Doktor Pakar perubatan kesihatan awam di pusat pengajian sains perubatan Universiti Sains Malaysia (USM). Rakaman ini dijalankan pada hari Rabu (16/6/2021) melalui platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Fika Umairah Binti Boniyamin dan Fatin Nazirah Binti Zainul Anuar. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DNR : Prof Madya Dr Nik Rosmawati Nik Husain
FN : Fatin Nazirah
FU : Nur Fika Umairah

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

Pakar perubatan kesihatan awam di pusat pengajian sains perubatan Universiti Sains Malaysia (USM)

FN : Boleh prof cerita serba sedikit tentang diri prof?

DNR : Soalan tadi bertanyakan tentang sedikit latar belakang, latar belakang yang boleh saya cerita ini. Okay nama penuh dah tahu. Okay saya dilahirkan.. mungkin *the actual date* [tarikh sebenar] tu kene rahsia lah. Kene student lah carikan untuk terima bunga-bunga ni-- okay (ketawa) saya dilahirkan pada tahun *so* [jadi] umurnya dah nk masuk empat puluh sembilan dah approaching lima puluh tahun dan saya dilahirkan di daerah, satu tempat, kampung yang di panggil Kampung Lembah Semerak, di daerah pasir putih, Kelantan itu tempat kelahiran saya,

tempat saya membesar tetapi bila saya berkahwin dengan orang di daerah Kota Baharu ni. Saya sekarang ni menetap di . Okay mungkin itu kot. Ada lagi ke yang saya perlu perkenalkan?

FN : Ketika waktu lapang boleh saya tahu apa hobi yang prof lakukan ?

DNR : Okay, *frankly* [terus terang] lah saya tak banyak sangat waktu lapang, sebab waktu saya biasanya saya memang akan isi banyak kecuali waktu lapang bila saya-- itu pun saya *squeeze-squeeze* [masuk-masuk] kan Fika kita berHitFat dulu. Cumanya bila saya ada waktu lapang tu saya akan banyak *spend* [luang] masa untuk membersihkan laman [halaman] luar rumah sebab laman rumah saya tu agak luas jugak dan kadang-kadang kena *spend* lah jugak nak tengok nak cabut rumput mana, bunga mana yang kena kita cantas, itu sahaja lah masa lapang saya.

FN : Boleh prof kongsi kepada kami kata-kata yang dipegang oleh prof? maksudnya macam prinsip prof.

DNR : Berkaitan dengan kata-kata ni (berfikir) bagi saya bersyukur walaupun perkara yang kecil. Jadi bukan apa kadang-kadang kalau kita tak nampak perkara yang kecil kita akan lebih *stress* [tertekan] banyak *stress* sebab kita lupa mensyukuri dan kita ingatkan rezeki ataupun kenikmatan tu apabila dia datang besar. Jadi bersyukurlah dengan perkara-perkara yang kecil

LATAR BELAKANG - KELUARGA

FN : Seterusnya, boleh prof ceritakan salasilah keluarga prof?

DNR : Okay, bila di sebut pasal salasilah ni dah lama dah saya bercita-cita nak kumpulkan satu salasilah sehingga sepuluh generasi ke tapi tak mampu (sambil ketawa) satu tak mampu, yang kedua saya tak sempatlah kot. Dah lama dah memang suka sangat bila ada soalan salasilah – salasilah ni, cumanya saya boleh ingat sikit sehingga tiga generasilah kot. Salasilah sejauh mana ya saya boleh sebut, mungkin ialah nama ayah saya Nik Husain Nik Ismail, (berfikir) nama tok saya yang belah ayah Nik Ismail Nik Abdul Rahman, okay setakat itu jelah yang saya boleh tahu lah (sambil ketawa). Nama mak saya, Nik Nah Nik Yah, lepastu nama ayah sebelah mak tu Nik Yah bin apa tak ingat dah-- dia dah berapa kali dah cakap tak catit [catat] itu kelemahan kita lah, *so* jangan ikut lah kelemahan ni kita kena catit sebab kita sentiasa lupa lah- dan saya pun tak ramai ibu saudara tak ramai memang terlalu sikit lah, satu sebab ramai yang dah [sudah] meninggal tapi saya punya.. kita panggil adik beradik saya besarkan jadi kita banyak sepupu apa semua lah, *so* itu sahaja salasilah saya. Asalnya daripada semuanya daripada Pasir Putih belaka dan Dengar khabarnya saya ni dari keturunan raja-raja lah kot. Raja-raja apa, saya kata dari keturunan lanun-lanun dulu lah yang _ walaupun orang apa dapat lah jadi raja Wallahu A'lam. Saya keturunan Nik, Nik Nah Nik Yah, Nik Husain Nik Ismail. *So* semua Nik, bila saya kawin yang tak ada Nik ni, yang itu ada, masa anak sulung hari tu okay sehinggalah last.. saya dapat anak yang bongsu masa tu dah tak dibenarkan meletakkan nama Nik apabila ayahnya

tak ada Nik. So disebabkan agak kuat saya punya keturunan Nik daripada mak dan ayah, dan kena ada dia punya *procedure* [prosedur] lah, so bolehlah semua anak-anak saya adalah Nik sebenarnya kita tak adalah bangga sangat pon tapi.. kita panggil apa-- dah Allah beri keturunan tu kan kita letaklah kalau tak dapat pun kita terima tak adalah nak sangat pun kan itu sahajalah salasilah saya.

FN : Apakah pekerjaan ibu dan ayah prof ?

DNR : Okay.. yang ni yang seronok nak cerita ni. Okay, ibu bapa saya memang petani kerja kampung saya tak nak kata yang ibu saya adalah suri rumah, sebab ibu saya pun dari kecil lagi memang merupakan tiang belakang juga dalam mencari rezeki *family* [keluarga] saya. Okay saya memang daripada keluarga.. bagi saya nak kata susah tak susah *that's the survival* lah sebab kita adalah generasi yang kedua, saya generasi yang kedua selepas merdekakan jadi mak ayah saya sempat lagi menghadapi suasana kemelut kemerdekaan serangan komunis apa semua, so saya dalam generasi kedua, jadi kita nak kata susah semua, semua orang susah jadi *the survival* tu memang adalah *survival* untuk hidup tu memang terasa sangat jadi mak dan ayah saya memang kedua-duanya memang petani, jadi mereka sejak dari kecil lagi-- saya ingat sebab saya memang kuat membanting tulang saya memang banyak membantu keluarga, semua membantu tapi saya rasa saya ni sebab (sambil berfikir) kategori rajin, kuat walaupun kita ni kecik tapi kuat lah jugak dulu. Jadi parents banyak *dependent* [bergantung] kepada kitakan mak saya tak pandai motor apa semua, saya banyak bawak (bawa) yang pergi bersama dalam mencari rezeki lah. So setakat yang pekerjaan mak ayah

saya, saya ingat dia adalah petani dari segi tanam padi. Sebelum Tok Guru Nik Aziz amik (ambil) Kelantan kan kita banyak dengan tanam tembakau jadi mak saya ayah saya pun menanam tembakau *so* banyak juga lah yang dapat rezeki daripada situlah untuk menampung keluarga. Lepastu adalah aktiviti pertanian yang kecil-kecilan untuk tambah lagi sumber rezeki.

FN : Berapa ramaikah adik beradik prof ?

DNR : Agak ramai jugak dan memang hidup memang ceria sangatlah bila ada adik beradik-ramaikan. Okay, saya ada lapan adik-beradik, saya anak yang ke-empat. Abang sulung saya, (sambil berfikir) nak dekat dah pencen lah kot tapi tak pencen lagi lah, saya ada dua je adik-beradik lelaki *so* walaupun dua abang saya tu memang *very responsible* [sangat bertanggungjawab] lah sebab kami kan susah sejak kecil. *So* bila dia tu dah meningkat dewasa pun dia banyaklah *take care* [ambil berat] dari segi urusan-urusan bila kita nak belajar jauh apa semuakan. *So* walaupun, dia *the only brother* [satu-satunya abang] tapi dialah yang *handle* [urus] semua sebab mak kitakan buta huruf-- bukan lah buta huruf ayah belajarlah juga (sambil ketawa perlahan) tapikan buta huruf dari segi *exposure* [dedahan] bila dia nak keluar Kelantan apa semuakan . *So* walaupun, saya ada seorang abang tapi dia lah banyak membantu. *So* yang sorang (seorang) lagi yang lelaki dia adalah adik yang kedua bongsu. *So*, saya ada seorang adik beradik yang OKU [Orang Kurang Upaya] atas pada saya dia OKU, dia cacat kedua belah mata walaupun begitu dia OKU sepanjang proses pembesaran kami dia memang banyak sangat membantulah sebab bila OKU dia tak sekolah apa

semuakan jadi bila kami yang sempurna apa ni kawin ke apa ke dia yang banyak menyumbang untuk *take care* anak-anak semua walaupun dia tak nampak dia boleh *handle* lah dalam urusan rumah. So itulah lapan adik-beradik.

FN : Apakah gelaran yang diberikan oleh keluarga kepada prof ?

DNR “ Sejak daripada dulu sehingga sekarang orang panggil kak Nik. Tulah terkejut bila Fika *approach* [tegur] tak sebut perkataan tu (sambil ketawa). Mungkin sebab tak sampai level dah tu kot sebab empat puluh sembilan kalau baya (sebaya) *you all* [awak semua] bila saya deal dengan student-student di luar kelas saya biasakan diri di panggil “Ummi” , *so* kalau *you all* ni dah tak layak dah nak panggil saya kak nik nya Mungkin sebab tu kot Fika tak panggil saya gitu [begitu] (sambil ketawa).

LATAR BELAKANG – PASANGAN DAN ANAK-ANAK

FN : Seperti sedia maklum prof telah berkahwin. Berapa lama tempoh perkahwinan prof ?

DNR : Saya kawin tahun 97 [1997], *So* kalau kita kira-kira dalam tempoh sekarang ni dah dua puluh empat kot, dua puluh empat tahun.

FN : Prof mempunyai berapa orang cahaya mata?

DNR : Saya ada enam cahaya mata tapi dua dijemput awalah. Sekarang ni saya ada enam orang tiga lelaki tiga perempuan.

FN : Berapakah umur anak-anak prof?

DNR : Yang sulung umur (sambil berfikir) saya kawin dua puluh empat kan terus dapat anak dua puluh tiga umurnya. Yang bongsu lapan tahun tahun darjah dua.

FN Adakah anak-anak prof semuanya masih belajar ?

DNR Seorang walaupun umur dua puluh tiga, dia belajar sehingga peringkat (sambil berfikir) diploma, *Diploma in Advanced Technology Training Center*[Diploma Pusat Latihan Teknologi Lanjutan] (berdehem) *so* kemahiranlah *so* dia tak nak belajar dan dah kawin dah pun *so* dia dah kerja dengan syarikat swastalah kita panggil bukan syarikat dengan kedai, dan yang lain-lain semua masih belajarlah.

FN : Apakah aktiviti prof bersama anak-anak ketika mereka cuti dan ada dirumah?

DNR : Sebenarnya satu hikmah besarkan PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] saya jangkakan haritu enam bulan, lepastu setahun, lepastu kemungkinan besar dua tahun. Satu memang nikmat besar bagi saya Allah memberi peluang yang besar untuk saya (sambil berfikir) *fix back* [betulkan] balik dan susun balik anak-anak semua ada di depan mata, yang mana masa saya dulu saya tak sempat nak buat *readjustment* [sesuaikan semula] dari segi *time family* [masa keluarga] tapi dengan PKP ni memang Masya Allah saya boleh *rearrange* [susun semula] balik anak-anak saya. *So* sepanjang PKP ni saya (sambil berfikir) *arrange* susun] ya anak-anak kita beberapa aspek pentinglah. Pertama, saya terapkan dengan disiplin. Disiplin apa? saya buat satu disiplin untuk solat berjemaah, wajib berjemaah lima waktu. Boleh buatlah sebab dulu memang tak boleh buat. MasyaAllah dengan masa PKP ni saya boleh disiplinkan solat berjemaah lima waktu dan masa (sambil berfikir) *fix time* [tetapkan masa] untuk baca Quran [Al-

quran] dua kali satu hari. Itu memang wajib. So daripada situ lah kita boleh berbincang, bertazkirah. Yang kedua, saya pula disiplin dari segi masa-masa penjagaan anak. Sebab banyakkannya masa tu saya akan disiplin untuk tengok TV [televisyen] so memang *very distracted* [sangat terganggu] TV tu. Saya memang (sambil berfikir) melanggan ASTRO semua memang pakej yang banyak jugaklah tapi saya memang akan *limit time* [had masa]. Kalau ada masa pun, memang ada masa untuk TV tapi ada *limit time* dan pada masa PKP ataupun dirumah ini jugak. Saya akan disiplin satu lagi dari segi riadah. Jadi petang lepas je solat Asar kami akan turun, kami tu kadang-kadang tak masuk saya, sebab saya biasanya sebelum magrib baru sampai (sambil tersenyum) tapi tulah kalau sempat saya akan *join* [sertai] sekali sekejap dan apa lagi yang saya isi adalah dengan sikap tanggung jawab lah dalam rumah tangga maknanya kalau masak semua akan-- bukan kata semua lah maknanya dia akan membantu paling kurang basuh pinggan ke apa ke, dia akan membantu memasak kalau saya tak ada saya tak fikir, saya tak pernah beli lauk dah sekarang ni. Saya dah terap dah biar dia mampu *handle* rumah tangga dan tanggung jawab sesama ahli keluarga lah jadi masa ni lah boleh terapkan agar adik-beradik ni jangan ada yang *baloh* [bergaduh] orang *kelate* [kelantan] kata kan. So Adik beradik jangan *baloh* [bergaduh] kalau ummi abi matipun adik beradik kita jangan *baloh* [bergaduh]. Jadi itulah yang saya terapkan dalam suasana anak-anak saya. Memang sebelum ni memang tak boleh. Jadi, Alhamdulillah dengan PKP ni satu nikmat besar saya boleh terap benda tu.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN - AWAL

FN : Boleh prof ceritakan kepada kami serba sedikit tentang Pendidikan awal prof ?

DNR : Serba sedikit jekan. Okay, saya Sekolah Rendah Kampong Sepulau dekat dengan dua kilometer daripada rumah mak saya dululah jalan kaki. Okay dulu, zaman dulu (sambil memanggil Fika) kalau ada basikal tu kaya dah tu tapi basikalpun tak ada (sambil ketawa) *so* jalan kaki lah kita. Okay, lepastu sekolah menengah di *area* [kawasan] Pasir Putih memang tak ada, pekan *area* semerak memang tak ada. So yang paling dekat Sekolah Menengah Gong Kedak [Sekolah Menengah Dato Ismail]. Sekolah kawalan dah kot, itu sekolah menengah yang pertamalah. Lepastu saya dapat alhamdulillah cemerlang sedikit saya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sains Machang [SMACH], Sekolah Sains Berasrama Penuh lah. Tiga sekolah tu je lah kot. Lepastu saya sambung Matrik di-- Matrik Pertama di buat di sekolah (berfikir) Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani. Lepastu masuklah Universiti untuk matrik dua dan juga USM [Universiti Sains Malaysia].

FN : Apakah subjek kegemaran prof ketika di sekolah ?

DNR : Okay, sebenarnya dulu kan saya ni jenis tak ada minat sangat apa-apa kita belajar je kan tapi bila orang tanya-tanya saya kan, saya rasalah subjek yang saya minta adalah Pendidikan Islam dan *Math* [matematik]. Okay, sebab apa saya minat Pendidikan Islam ye? Sebab satu ustaz. Ustaz yang mengajar tu memang bagus lah. Jadikan sebenarnya memang penting lah kita bagus anak murid kita-- Bagus tu ada banyak sudutkan tapi *the influence of* [pengaruh] guru ni memang tinggi sangat. *So* saya minat Pendidikan Islam di sebabkan ustaz dia tu, and *even* [walaupun] sampai sekarang ni ustaz tu memang kita *still* [masih] berhubunglah. Dan yang kedua Matematik, sebab bagi saya matematik ni saya tak kena menghafal ataupun mengulangkaji banyak-banyak, saya tahu rumus, saya tahu formula dia, *so* saya tengok *gitu* [begitu] je. Tengok *gitu* je saya boleh paham [faham] dah. Tu saya suka kalau yang lain saya kena hafal banyak. saya rasa yang dua tu kot yang paling saya minat.

FN : Sewaktu di alam persekolahan, adakah prof seorang yang aktif bersukan ?

DNR : Saya ni nak kata aktif bersukan-- dulu tak banyak sangat pilihan sukan ni kan, tapi sebab saya zaman dulu aktif (sambil berfikir) kita panggil lasak saya adalah merupakan gadis yang lasak. Saya boleh panjat pokok kelapa, *so* setakat sukan-sukan tu saya main jelah bagi saya kan, zaman dulu kita jalan kaki pergi sekolah, *so* memang sukan tak ada memanah pun tak ada dulukan. So dia tidak memerlukan *skill* [kemahiran] yang pelik-pelik. *So* semua sukan dulu saya boleh *belaka*, cuma orang tak pilih kita (sambil ketawa). Sukan yang saya terpilih masuknya adalah sukan (sambil berfikir) panggil lari pecut dia panggilnya 4x100

ke *so* dah lupa dah nama sukan tu. Dan yang kedua saya suka *Netball* [Bola Jaring]. So saya suka sangat *Netball* dan saya memang-- *position* [kedudukan] saya *C* (center) lah dan paling tidak saya *Wing Attack* (WA), WA eh dia panggil, yang tu *position* saya lah dulu

FN : Boleh prof kongsi dengan kami, pencapaian terbesar prof ketika di sekolah?

DNR : Pencapaian terbesar dari kontak akademik, Saya dulu.. (sambil mengingati) kita tak ada lah bangga tapi masa Sekolah Gong Kedak dulu tak disangka-sangka saya dapat pelajar terbaiklah, saya cemerlang *gitu* tapi sebab zaman dulu bukannya cemerlang sangat pun *dok* [kan] gitulah [begitu lah] (sambil ketawa). Jadi masa dulu *paper* [surat khabar] pun kita tak beli tengok-tengok eh [terkejut] masuk *paper* nama kita kan so adalah orang tunjukkan *paper* masa tu, tak ada rasa apa dah lah sebab kitakan anak kampung biasalah tapi saya tak ingat saya simpan ke tidak keratan kertas tu paper tu (sambil membuat bentuk keratan akbar) saya rasa macam saya simpan kalau cari tak ingat duduk (merujuk kepada keratan akbar itu) rumah mak dulu, itu yang pertamalah dari Sekolah Gong Kedak. Lepas tu masa di Sekolah Sains Machang. Di Sains Machang, sebab saya tingkatan tiga saya masuk Sekolah Sains Machang tingkatan empat, ja di bila masuk tingkatan empat tu.. Kita ni kan pelajar baru, *so* pelajar baru tak kenal orang sangat pun, kita kenal lingkungan kita je lah tapi entah macam mana jadi saya ni dapat pelajar terbaik pulak. Jadi kita tak tau lah zaman dulu, terbaik zaman dulu tak adalah sampai dua puluh A (20A) *dok* [kan] lima belas A (15A) takat-takat zaman dululah. Jadi saya rasa itulah sumbangan yang terbesar saya di

sekolah zaman-zaman dulu. Jadi adalah di-- (sambil mengingati) di signboard tu, di dewan tu dia ukir lah nama (membuat demo ukiran) kita sebab pelajar terbaik era tu, *gitu* jelah.

FN : Selain daripada pelajar terbaik, adakah prof memberi sumbangan lain untuk menaikkan nama sekolah?

DNR : Hmmm (berfikir) subangan lain nak menaikkan nama sekolah (berfikir) tak ada kot, sebab saya ni bukan pelajar yang kreatif orang suruh saya buat tapi (sambil ketawa) itupun rezeki tu dapat pelajar terbaik tak jangka pun.

FN : Apakah kenangan paling manis prof saat di sekolah yang masih diingati sehingga kini ?

DNR : (ketawa) Kalau sekolah rendah tu banyak kita panggil apa-- balik sekolah jauh kita carilah buah-buah mempelam yang jatuh kan kita makan macam tulah, buah gajus saya naik pokok dia dulu, baju tu tak ada rupa baju sekolah lah dulu, (sambil tersenyum) so saya makan lah dulu sebab kita tau balik rumah tak tau ada makanan ke tidakkan *so* kita makan lah apa yang ada di tepi jalan apa semua tu baru sampai rumah, saya tak tau pukul berapa saya sampai rumah (sambil ketawa) kalau zaman-zaman dulu saya suka *berkelahi* [bergaduh] dulu so sapa-sapa yang lawan saya kan masing-masing kena (sambil tersenyum) tapi yang paling saya suka saya tak tahu kita punya apa (sambil berfikir) saya tak tahu dimana kelebihan saya ni, ja di sejak kecil lagi.. sekolah rendah pun cikgu suruh saya mengajar budak-budak, saya darjah tiga dipanggil masukkan.. cikgu-cikgu zaman dulu kan “ Okay *meh-meh* [mari-mari] masuk kelas *mari ngajar*

[mengajar]” saja nak pekena ke apa ke kita pun mengajarlah tapi bila senior tu tau nanti dia kecam kita pulakkan, so bila dia kecam kita, kita pun bukan main nak marah. Tulah saya kata saya suka *berkelahi* jugak (sambil ketawa) tu sekolah rendahlah. Yang masuk sekolah rendah itu yang paling saya suka di Gong Kedak, kita duduk di asrama saya pertama kali berada di asrama *so* kita belajar *survival* lah. *Survival* saya banyak belajar pasal *survival* hidup kan. *So--* banyak lah sebab kita ni bukannya sapa-sapakan [siapa-siapa] walaupun era saya tu orang panggil generasi kedua tapi dah ada orang yang senang-senang *so* bila kita berada di asrama ni biasalah dia berpuak-puak jadi kita ni siapa rupa pun tak adakan harta pun tak ada *so* berpuak-puak lah macam tu *so* kita ni terpencil tapi alhamdulillah kita panggil apa rezeki tu ada di asrama lagi saya dah mula mengajar *so* kita ada ruang legar tu saya tak terfikir siapa yang suruh saya mengajar (sambil jari telunjuk letak di sisi kepala) tapi saya ingat-ingat saya memang akan ajarlah masa-masa *free* [lapang] dia ‘*meh-meh* [mari-mari] saya ajar’, saya ajarlah di ruangan legar tu. Itulah saya mengajar dengan kawan-kawan ni daripada sekolah rendah, masuk di asrama pun saya mengajar jugak lah tapi kalau di Sains Machang tu (sambil mengingat) still saya rasa kenangan yang indah-indah tu biasalah, bila saya sampai di asrama tu ada orang nak *torture* [buli].. apa orang panggil *raging* [buli], saya kena jugak *raging* tapi kalau kita kata silap orang lah *raging* saya macam tu lah (sambil ketawa). Silap orang lah *raging* saya kalau *raging* orang lain boleh, kalau *raging* saya tak boleh lah *so* begitu lah kenangan saya. Lepastu yang menariknya di Sains Machang ni saya banyak belajar *survival*, *so* yang tu boleh buat buku lah (sambil panggil fika)

survival saya di sains machang ni. Okay itu saja lah yang boleh saya kongsi panjang cerita yang tu.

SEJARAH PENDIDIKAN – UNIVERSITI

FN : Setelah tamat pengajian di peringkat sekolah kemanakah prof melanjutkan pengajian ?

DNR : Masuk Universiti Sains Malaysia.

FN : Kenapa prof memilih Universiti tersebut ?

DNR : *Hok* [yang] ni sukar juga soalan tu sebab saya tak tahu dulu kenapa saya pilih (sambil ketawa) itu senario sebab apa (sambil berfikir) saya tak tahu sehinggakan bila saya pilih tu saya berpisah dengan rakan sahabat baik saya bila jumpa balik tu tanya “sebab apa kita pilih tak sama ya?” dia pilih UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) saya pilih USM saya tak boleh nak jawab, sebab apa saya pilih USM dan sebab apa saya *tok pakat* [tak berpakat] dengan dia pilih sebab dia tu memang sahabat baik sampai sekarang saya tak boleh nak menentukan sebab apa tapi yang pasti yang pilih USM ni sebab mak saya ni dia-- dia tak pandai jugak buat keputusan sebab dia tahu dia ni buta hurufkan dan tak terbuka tapi cita-cita dia besar jadi bila dia tahu saya ni ada cukup syaratlah dapatkan, tadikan dapat pelajar terbaik kan (sambil ketawa) jadi dia mungkinlah, saya tak tahu-- Ni satu kenangan saya dulu dia panggil(berfikir) penilaian darjah lima, masa nak dapat *result* [keputusan] tu saya duduk main duku di halaman

rumah , orang kata “marilah nak tengok *result*” saya kata “Nak tengok buat apa *result* ?” saya kata, saya bukannya (sambil ketawa) jawab pandai-pandai *gitu* je, sehingga saya tak tengok *result* saya. Masa darjah lima lah, nak ceritanya saya. Jadi bila habis SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) tu-- saya pun tak tahu saya pandai dan saya tak tahu saya layak apa (sambil ketawa) tapi mujurnya rezekinya mak saya tu dia ada cita-cita besar ialah mak kan-- Mak saya ada cita-cita besar dan ada mak saudara saya sorang ni dia cikgu. Jadi dia minta bantuan mak saudara saya yang tolong juga bagi pandangan untuk isi borang-- tapi saya isi sendiri borang dulu, dan dia mintak juga pandangan daripada seorang sepupu dia yang bukan cikgu lah. Zaman dulu cikgu ni hebat tau, cikgu memang hebat. *So* antara orang-orang hebat dalam keluarga saya cikgu tu lah memberi nasihat dia kata “Minta lah Doktor toksoh (tak usah) lah cikgu. Cikgu kan sampai tua orang panggil cikgu *gitu* kan orang tak panggil dah Doktor.” dia kata. *So* panggil lah Doktor sorang dalam keluarga, mak saya pun suruh lah mintak saya kata “ Dah suruh mintak kita isi jela.”. Itu yang saya ingat saya mengisi pilihan *Medic* tapi pilihan *U* (singkatan untuk universiti) saya tak tahu sebab apa saya pilih. itu yang-- mungkin saya fikir-fikir balik mungkin sebab *U* lain zaman dulu cuma ada tiga *U* besar je. USM, UKM, UM universiti lain tak ada zaman dulu. *So* saya tak suka KL-KL(Kuala Lumpur) ni saya takut biasalah kita anak orang kampungkan KL ni bagi saya ya Allah besarnya. Macam mana lah aku nk duduk di KL kan. *So* cari lah universiti yang jauh sikit daripada KL kemungkinan sebab tu kot, USM saya mintak.

FN : Berapakah tempoh pengajian prof?

DNR : *Medic*, (sambil berfikir) dia dulu kita ada matrik dulu sebelum *Medic so* matrikulasi dan dulu juga dua tahun matrik sekarang ni matrik setahun boleh. *So* matrikulasi dua tahun, lepastu baru *apply* [mohon] *Medic* lima tahun, sehingga sekarang pun *medic* lima tahun lah.

FN : Dalam banyak-banyak program, Kenapa prof memilih untuk menyambung dalam bidang perubatan?

DNR : Tadi rasanya dah jawab tu, sebab-- cita-cita saya nak jadi cikgu bila saya imbas balik bukan - cita-cita saya nak tu sebenarnya, sebab itulah profession yang saya didedahkan sejak kecil kan. *You all* ni sekarang ni dah kenal *engineer* [jurutera], *pilot* [juruterbang] lah, apa lah boleh lah nak cakap, saya nak cakap *pilot* dulu macam mana sebab saya tak tau pun apa *pilot*, zaman dulu kan (sambil ketawa) *so* yang saya tau cikgu yang paling hebat, doktor, cikgu *so* cita-cita saya cikgu. Doktor tidak terlintas sebab saya kata “Ya Allah mana ada layak kita nak sebut Doktor ni kan. Tak layak langsung, apatah lagi nak jadi *so* kalau orang tanya zaman-zaman kecik dulu orang tanya “Awak cita-cita apa?”, “Cikgu”. Tu jelas sebab cikgu jelas depan saya, cumanya kenapa pilih profesion tadi saya dah cerita dah. Itu cita-cita besar mak saya dengan dia dapatkan nasihat daripada *family members* [ahli keluarga] dia lah. Dia mencorakkan kita, itu penting tau *parents* [ibu bapa] ni kalau anak-anak dah *blank* atau tak tahu benda ni kan *parents* lah.

FN : Bagaimana Prof bahagikan masa ketika belajar ?

DNR : Zaman student tak macam *you all* kot banyak sangat gangguan lani (sekarang ni) dengan telefon dengan gadget dengan cerita Korea banyak sangat, dulu tak ada dulu memang saya belajarlah dulu. Hidup saya belajar, belajar pulak *medic*, lepastu masuk matric pun belajar memang kita tak ada gangguan. Di asrama kan kita nk buat apa tengok TV cerita benda [apa] je ada. Lepastu kita pelajar baru kalau *raging* [buli] *kotre* [orang] nak tengok cerita dia je, kalau kita tak minat tak boleh tengok *so* saya buat apa (sambil tersenyum) saya belajar je dulu. So dari segi membahagikan masa tu tak ada isu masa zaman dulu lah. Tak ada isu sebab tak ada gangguan. Mungkin yang saya tengok saya perhatikan ialah zaman-zaman dulu dia panggil gangguan dari segi *boyfriend* [teman lelaki] apalah. Mujur jugak saya ni bukan lah orang lawa orang cantik apa semua jadi rebutan saya tak ada masalah dari saya kan kita tak ada kacau bila tu tak ada fikir kita ni siapa semuanya *so* saya tak ada kena ganggu lah benda-benda gitu. *so* tugasnya belajar je.

FN : Ketika di universiti, adakah prof aktif dengan kelab dan persatuan ?

DNR : Kelab dan persatuan di universiti. Di matrik tidak ada persatuan sangat (sambil berfikir) jadi tak ada tak sempat. Di USM, Okay di USM (cuba mengingati) *medic* masa era saya dah *full time* [sepenuh masa] di kampus kesihatan sini, sebelum tu dia di Penang separuh lepas tu dia sambung di Kubang Kerian untuk *clinical attachment* tapi zaman saya selama lima tahun terus disini lah. Persatuan (sambil berfikir) okay persatuan bawah pelajar lah adalah saya terlibat dalam

minggu orientasi jadilah fasilitator.. banyak juga lah program *and then* masa era saya tu persatuan yang saya pegang ni.. kita panggil geng-geng saya ni dapat menakluki MPP [Majlis Perwakilan Pelajar] (sambil tersenyum) *so* kitalah, terpaksa lah untuk masuk sangat pilihan raya semua tu kan menang kita kerja besar lah,kita memang agak *busy* [sibuk] jugak lah dulu untuk *maintain* [mengekal] kecemerlangan kan masa saya dulu kerap lah aktiviti nya sanggup buat kursus perkawinan kita buat.. banyaklah kursus sebab kita menangkan kemenangan tu kita panggil pro aspisiasi dengan dia kan berlawan *sokmo* dua benda tu (sambil dua jari digerakkan). *So* ada *time* tu *the first time* [pertama kali] saya memang *hok* [yang] lawan ni. So kita banyak buat perubahan lah bila buat perubahan tu penatlah kita *so* memang aktiflah dulu terlibat.

FN : Dalam tempoh pembelajaran prof di universiti tersebut, adakah pernah ada perasaan untuk berhenti belajar?

DNR : Perasaan untuk berhenti (berfikir) secara sedar nya tak ada kot tapi tengah *stress* mungkin kot tengah *stress*, sebab kalau saya berhenti belajar saya nak buat menda [apa] kan, kita bukannya daripada keluarga yang senang kalau kita tak belajar ni ada janji-janji, ada ruang apa semua memang tak ada. *I have no choice* [saya tiada pilihan]. Saya memang *survival* saya, saya akan tembus je. So mungkin masa *stress* tu menyesallah kot tapi tak adalah kata nak berhenti belajar menyesal “buat apa lah amik, buat apa lah dia campak ke sini.” itu biasa lah, tapi sampai nak berhenti belajar saya rasa secara sedar tak ingatlah.

FN : Apakah cabaran yang paling besar yang prof haapi ketika membuat ijazah ketika itu?

DNR : Cabaran yang paling besar(berfikir) di *medic* ni -- bagi saya lah dulu-dulu saya menganggap kursus yang paling *tough* [sukar] lah dalam dunia ni teruk sangat *you imagine* [bayangkan] je lah dalam masa seminggu nota dia sudah tinggi ni (sambil tunjuk paras ketebalan nota itu) memang dahsyat-dahsyat (sambil ketawa) dia panggil apa.. kita kena faham, kita kena hafal, memang bengong lah dulu belajar. *So* cabaran yang paling besarnya *confident* [yakin] ni lulus atau *failed* [gagal] yang tu je. Bagi saya nak lepas ni, lepas ke tidak sebab *start* [mula].. dia ada *exam* [peperiksaan] professional apa semua kan lepas ke tidak *so* dia gila sebab tu je. Cabaran besar nak *exam* nak hafal nota yang lain-lain saya tak ada cabaran sangat. Saya anggap cabaran lah sebab tak nampak besar yang lain, masa belajar dulu.

SEJARAH PENDIDIKAN - TERTINGGI

FN : Seterusnya apakah yang membuatkan prof untuk sambung belajar ke peringkat yang lebih tinggi sehingga peringkat Phd?

DNR : Dia ni bila kita bekerja, saya tak tahulah orang lain macam mana, bila kita bekerja, kita sampai satu *takat* [tahap] kita malaslah, malas ataupun tepu ataupun puas [bosan] ataupun kita panggil apa *hek...* kita dah ada keluarga dan kita sudah ada-- bertukar sikit pemikiran kita kan masa belajar kita *mikir* [fikir] nak *kijo* [kerja] kita pikir nak kerja, nak menjadi pekerja yang terbaik apa semua kan... tapi dia akan bertukar bila kita kahwin bila dah ada anak. Anak pulak,

bukan kata ada nak bertukar *pulok* [pulak] *dok* bukan kata ada anak, anak lelaki ke anak belajar tu, anak belajar ni banyak benda, suami kita ni-- kita tak *leh* [boleh] nak kata *belaka lah* [semua] suami kita ni kerja apa macam mana, *so* itu yang menentukan sehingga saya rasa saya perlu ubah sedikit... kita panggil apa... (berfikir sambil memandang ke bawah) *path way*, perjalanan kerjaya dan satu lagi kita ni bergantung kepada *opportunity* [peluang] *so profession medic* [kerjaya perubatan] ni dia banyak peluang untuk *pathway* ke depan. Kalau kita kata kan dalam doktor 100 orang ni, mungkin 10 *percent* [peratus] tak sampai yang tak akan sambung belajar, *so* kita panggil itu satu kepelikan lah kalau kita tak sambung belajar, *so* dia bergantung kepada *opportunity* peluang kerja tersebut, *so profession medic* dia profesion yang bukan statik, *so* kalau kita duduk selalu *takot* [tahap], memang kita ketinggalan. *So that's why* [jadi itulah sebabnya] lah kita panggil apa... peluang dan ruang tu ada dan kita nak tambah lagi kalau tidak kita tak berkembang ilmu dan kita tak boleh nak sumbang lebih dan dari segi pendapatan gaji pun kenaikan kita tak secepat orang lain *so* banyak pengaruh tu. *So*, bila bekerja *medic* ni jugak, kita akan sentiasa menjadi kuli, semua kita tak nak kuli. Mula-mula nak, mula-mula asalkan aku dapat kerja, suruh lah buat apa pun buat kan?, tapi lama-lama takkan lah kita kan, takut tu kita pun dah semakin dewasa kan?, kita nak jugak jadi bosnya contohnya yang macam tu lah kan... ada orang bawah kita walaupun bukan bos besar, *so* nak tak nak kita kena belajar. Dengan belajar lah, kenaikan pangkat apa semua. *So* itulah antara yang menuntut saya untuk buat Master, pakar. *So*, saya pon buat Master dalam *public health* [kesihatan awam], *so* masa tu empat tahun *so* lepas habis

master kita kerja semua, *boring* [bosan] pulak, biasalah kan, *boring* pulak (sambil terkekeh) masa tu saya dah masuk USM, masuk USM *boring*lah kerja (buat muka), *dok ngajar* [asyik mengajar] tapi tak banyak *knowled ge* [pengetahuan] sebab saya pakar kerjanya lain, tapi bila saya masuk universiti sebagai pensyarah, dia punya kaedah kerja tu memerlukan *skill* dan *knowledge* [kemahiran dan pengetahuan] lain lagi, *that's why* saya kena sambung PhD saya (tersenyum). Tambahnya USM masa tu universiti *research* [kajian] kan, sekarang pon *research* universiti so banyak menitik beratkan *research*, so saya kene buat Phd untuk nak tambah lagi *knowledge* dan juga *skill* untuk saya dalam *research*, jadi saya boleh mengajarlah *student* [pelajar] *and* [dan] bila kita dah amik PhD kita pun amik budak PhD, *so* kalau tidak agak susah lah kita hanya mengajar *student undergrad* dan juga *student postgrad* yang buat master, so yang buat PhD ataupun buat MAC yang *research mode* [mod penyelidikan] ni limit lah, *confident* [yakin] kita kurang (sambil mengayunkan tangan dari dada ke bawah). Yang kedua, orang pun tak *confident* dengan kita

FN : Kenapa prof memilih untuk sambung pada universiti yang sama?

DNR : Universiti yang sama, ini pun menarik jugak. Saya ni sejak dari kecik-kecik [kecil-kecil] lagi nak berjalan ke seluruh dunia. (berfikir sambil melihat kiri atas). Nak kata kecik salah kan, kecik tak kenal dunia lagi. Tak. Bila, kecik ni maksudnya dah remaja lah. Bila remaja bila minda kita dah buka dah jalan sampai Pinang [Pulau Pulau], bagi saya Pinang tu dah jauh dah masa tu. Tapi lama-kelamaan, bila kita *start* kerja apa semuakan, rasa bercita-citalah nak

sambung belajar dan pernah juga apa kita panggil... bercita-cita belajar di luar negara sebab saya sebenarnya, kenapa saya *intention*[perhatian] nak -nak belajar di luar negara, sebab saya nak *improve* [memperbaiki] (tangan pergi ke mulut lalu mengayun terus ke bawah) saya punya *english tongue* [bahasa Inggeris sukar] saya ni, lidah saya ni (tangan pergi ke mulut lalu mengayun terus ke bawah) biasalah kita orang Kelantan generasi kedua merdeka ni berat sangat lidah ni. *So*, cita-cita saya besar sangat (sambil tergeleng-geleng kepala). *So* saya nak amik peluang, nak buat PhD di luar negara, tapikan pada masa tu anak saya, ramai dah, ramai anak, berapa orang baru... (mengira sambil mata pandang ke kiri atas), masa PhD ni, masa master memang takde, master dalam negara lah. Masa PhD, masa tu dapat anak lima, tu bagi saya ramai dah tu sebab anak kecik-kecik kan yang semua dalam tanggungan dan *family* saya, suami saya masa tu dia, masa saya master dia letak jawatan sebagai guru, sebab banyak *challenge*[cabaran] kita bekerja ambil master ni dengan ada anak, anak pinak ramai ni, *so* dia letak jawatan ni. *So* kalau saya belajar di luar negara, banyak kena *sacrifice* [berkorban] (tersenyum sambil pandang ke bawah kanan). *So* anak-anak sapa nak jaga, tanggungan anak-anak sejauh mana boleh tanggung, pergi sana pun kos besar, melibatkan banyak perkara. *So*, nak tak nak, saya pun buat di dalam Malaysia. okay. Bila fikir dalam Malaysia ni, nak fikir nak masuk universiti mana, *so* saya USM, saya nak pegi UKM, nak pegi UM, kan saya cakap saya tak suka duduk di KL, kan... (terkekeh). *So*, nak tak nak saya kena USM (sambil geleng kepala serta terkekeh) saya tak boleh, saya punya

attachment[lampiran] hidup saya di KL, hidup saya kelam kabut, saya tak suka hidup (geleng kepala) di KL.

FN : Seperti yang kita tahu, prof adalah dalam bidang Mikrobiologi makanan dan pemakanan, jadi kenapa prof memilih untuk membuat PhD dalam bidang tersebut?

DNR : Cuma sedikit pembetulan minor, saya still lebih dikenali dalam pakar kesihatan awam, dalam kesihatan persekitaran dia panggil, *environmental health in public health specialist* [kesihatan persekitaran dalam pakar kesihatan awam]. Itu yang kepakaran saya. Bidang doktor kalau kita ambil master, kita diberi pengiktirafan *specialities*, doktor yang ada *specialities* nya iaitu saya *specialist in public health*[pakar dalam kesihatan awam]. Saya jarang dikenali sebagai pakar dalam bidang Mikrobiologi. Okay. Jadi kita berbalik kepada soalan tadi, kenapa saya memilih bidang tu?. Bila kita nak buat PhD ni dan bila saya bergelar status pensyarah, kita kena cari satu _ area yang belum ada, sama belum ada di negara kita ataupun ada di institusi tersebut dan walaupun belum ada, tapi kalau tak ada kepakaran pun susah juga sebab asalnya saya nak buat topik lain tapi bila nak buat topik lain, takda pulak *supervisor*[penyelia]. So dia dua kriteria utama lah masa saya buat dulu, satu _ area yang belum ada lagi orang yang buat untuk *safety*[keselamatan] tadi, *food security*[keselamatan makanan] ade tapi, *food safety*[keselamatan makanan] tak ada lah. Dan juga kriteria perlu ada *supervisor even food mikrobiologi, food safety is actually not my interest*[keselamatan makanan sebenarnya bukan minat saya]. Silap. Dalam isi saya dia ada dua

komponen utama. satu, *healthy food*. Yang kedua, *food safety*, mikrobiologi itu dalam *safety*. Sebenarnya saya nak buat dalam *food safety*. Tetapi takde supervisor, jadi saya terpaksa masukkan satu skop *food healthy*. *Food healthy* dalam *thesis* saya, so itulah yang menentukan dua perkara utama. _ *area* yang baru dan yang kedua adalah bergantung kepada *availability* kemampuan *supervisor* (badan bergerak kedepan seketika)

FN : Bolehkah kami tahu, jenis kajian yang prof lakukan?

DNR : Jenis-jenis kajian? Yang setakat ni lah, bukan PhD sajakan? Okay. Jenis kajian ni banyak lah sebab dah berlapuk dah kat sini nih. Cumanya, soalan ni terover[lebih] jenis kajian lah, populasi ataupun tajuk. So saya jawab dalam kaedah yang mudah je lah jawapannya. Banyak saya buat kajian tentang projek *intervention* [campur tangan]. *Community Intervention*[Campur Tangan Masyarakat]. Yang ni pon ade kaitan dengan *research* saya, and saya *as a public health specialist* biasanya melibatkan komuniti, so kebanyakan kajian-kajian *research* melibatkan *community intervention*. Yang kedua dari jenis-jenis kajian melibatkan *diseases*[penyakit] tertentu, *disease oriented*[berorientasikan penyakit]. Kalau saya, saya suka terlibat dalam kajian *tuberculosis*[batuk kering] penyakit TB. *Almost every year*[Hampir setiap tahun] adalah projek macam tu. Seterusnya, kita panggil apa... (berfikir) *questionnaire development* [pengembangan soal selidik], kalau *disease-disease* [penyakit-penyakit] lain tu

biasanya kita buka lah sebab semua apa kaitan yang dengan *Public health* [Kesihatan Awam], so kita akan terimalah sebab *student*[pelajar] di USM ni yang master *one year program*[program setahun] tu, kita tidak begitu khusus berkaitan topik, kalau kita khusus berkaitan topik dan *one year* [setahun] projek dia akan menyusahkan pelajar nak cari projek tu, *so any topic*[jadi topik apa pun] yang berkaitan dengan *public health*. Sekiranya kita akan terlibatlah.

FN : Berapa lama prof ambil masa untuk prof sambung doktor falsafah setelah tamat peringkat sarjana?

DNR : Okay, saya *grad* [tamat pengajian] *medical doctor*[dokter perubatan] tahun 97[1997].. lepas 97 tu kerja sehinggalah 2001. Saya buat master tamat 2005, master ni mudah je, boleh je buat muda (sambil memanggil Fika) boleh je buat master. Syarat *medic specialist* [pakar perubatan] empat tahun. Lepas empat tahun, 2005 saya kerja dengan __ sama *join* USM - 2012 saya buat habis 2017. Bukan main aim, saya aim nak habis PhD tiga tahun. Punyalah aim, tengok-tengok empat tahun lebih baru habis (sambil ketawa).

FN : Apakah cabaran yang paling sukar ketika prof menjalankan kajian di peringkat Doktor falsafah ?

DNR : Saya tak ada kesukaran kalau diberi *chance* [peluang] saya nak buat sekali lagi PhD, sebab dia seronok sangat buatlah PhD, seronok sangat, tapi mungkin

(berfikir) selain daripada *lecturer*[pensyarah] ni kan kita.. kita sebab seronok ni sebab duit masuk gaji jalankan seronoklah tapi kalau orang yang tak ada gaji tu semua kan mana nak seronok, kerja tak ada gaji dapat gaji penyelidik RM 1,000- RM 2,000 tak masuk kategori seronok lah (sambil geleng kepala) sebab saya ni dipotong sikit je alaun apa semuanya so masih cukup lah untuk hidup - *family*. So saya seronok masa PhD saya tak ada sangat kesukaran, cumanya bila di fikir-fikirkan balik apa *challengenya*, satu *challenge* bila saya daftar je PhD *menses miss* [tidak datang bulan] rupa-rupanya saya *pregnant*[mengandung], Masya Allah. Masa tu dah umur berapa? empat puluh satu? *pregnant* (sambil geleng-geleng kepala) uishh macam teruk sangat, sebab bukan saya tak nak anak saya tahu yang saya ni teruk sangat *hyprem* [alahan] kalau boleh bagi *skill productivity*[produktiviti kemahiran] saya dalam 100 dia akan turun 99 *percent* [peratus] hidup saya memang tak ada apa memang teruk sangat *every time pregnancy* [setiap kali mengandung] mcm tu lah. So bila saya *register*[daftar] (sambil berfikir) bulan berapa ?- saya pergi umrah-- balik umrah tak datang *menses* [datang bulan] saya ingatkan Allah makbul doa saya lah (ketawa) kan kita pergi Mekkah kita doa “ Ya Allah jangan lah datang haid ” apa semua tu kan bukan main doa (sambil ketawa) memang tak datang haid sungguh balik-balik tu (sambil ketawa) kenapa ya tak *mari-mari* [datang-datang] haid tak datang-datang ni. *Test*[ujian] tengok Ya Allah.. tapi tau-tau memang dah *hyprem* [alahan] lah tau pergi test memang saya *pregnant*. So *challenge* nya saya tak boleh buat apa cuma saya *still*[masih] ada *office*[pejabat] saya ni (sambil menunjuk pejabat) saya *mari* kerja saya tidur, balik rumah saya tak boleh nak

tidur, *mari* kerja dengan tidur, itu *challenge* saya untuk tahun pertama ni sepatutnya buat kemaskan *proposal*[cadangan] hmm hanyut situ je. itulah *challenge* yang pertama. Lepas tu bila *start* ada anak kecil [kecil] saya *plan* [cadang] untu -- biasanya saya akan *full breastfeed* [penyusuan penuh] lah untuk dua tahun, walaupun enam bulan kita dah campur apa semua kan memang saya *failed* [gagal] untuk buat sebab kita panggil apa - sebab saya dah masuk untuk *data collection*[pengumpulan data] masa *breastfeed* [menyusu] tu saya dah *start* buat *data collection* so pada masa tu susu saya dah kurang, saya memang tak boleh nak menyusu secara *satisfied* [puas] lah untuk anak bongsu saya *even* bila saya *express* pun *milk* [susu] saya memang tak cukup, *quite stressful*[agak tertekan] walaupun saya kata cabaran dia -- ialah cabaran tu biasa lah hidup biasalah kita buat PhD takkan lah tak *stresskan* tapi kita panggil *that the life of PhD*[ini adalah kehidupan PhD] tapi *the effect* [kesan] nya... eh ataupun mungkin jugak, saya ni kadang-kadang *denial* [nmenafikan] saya ni *stress* ke tidak mungkin saya *stress* lah kot tak ada susukan (sambil ketawa) baru saya ingat pernah kawan saya seorang tu dia kata *gini*(begini) *You take break*[Awak berehat sebentar] dulu, sebab *you* ibaratkan pegang air segelas air (sambil memegang botol) memang lah segelas air ni ringan je, ringan je segelas air ni tak ada berat, tak sampai 100 gram pun tapi pegang jagan lepas sampai satu hari rasa berat ke tidak so bila kita lepas baru kita rasa Masya Allah ringan nya. So *the point is* [Apa yang saya maksudkan] sebenarnya barangkali ada *stress* dalam PhD tapi terlalu *denial stress* [menafikan perasaan tertekan] , *that's why* [sebab itu] susu saya kurang.. banyak lah dari segi kualiti pengurusan *baby*[bayi] kecil

tu saya terabai sedikit lah dari segi jagaan malam. Walaupun, secara hakikatnya saya tak rasa benda tu ada *stress*, memang tipu diri barangkali Wallahu A'lam lah. (sambil memanggil Fika). Kan fikakan macam mana nak komen, dia kena buat *assessment stress level*[penilaian tahap tekanan] (sambil ketawa). So cabaran tadi terjawab lah. Cabaran paling besar saya *pregnant* dan tak boleh nak menyusukan anak, tak ada susu.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA

Kita teruskan lagi, setiap orang dia mempunyai pengalaman kerjaya yang berbeza, prof dah sampai PHD tadi cerita, kita recab balik.

FU : Boleh prof cerita pengalaman awal kerjaya prof. Mungkin prof mula bekerja selepas SPM ke, pernah bekerja waktu sekolah ? (sambil tersenyum)

DNR : Ya, saya memang pernah bekerja semasa tunggu SPM, yang tu pengalaman menarik *jugok* [juga]. Biasalah, kitakan nak cari, nak cari duit poket. Hidup saya penuh dengan *survival* sebab kita panggil apa... saya tak pernah (berfikir sambil pandang ke tepi) ada kemewahan dari segi poket tebal sikit... ha gitullah boleh kata... (tersenyum) *so*, kita kena cari kan, duit dulu bukan nak beli *handphone*[telefon bimbit] pun, duit dulu kita nak beli nasi bungkus pun, itulah ibarat kata kan Fika, la ni nak beli *handphone*, nak beli 'Apple', saya pun 'Apple' *loni pon* [sekarang ni], okay (terkekeh). *So*, kita dah gaya hidup *gitu*, tapi bila lepas SPM, kebetulan abang sulung saya tu dia dah jadi cikgu, okay, cuti SPM masa tu lama lah jugak, *and then* disekolah dia sekolah di Kuala Krai, sehingga

kini lah lalu sekolah tu saya ingatlah (tersenyum), saya sempat mengajar situ. *So*, dia tolong lah *adjust-adjust*[sesuaikan-sesuaikan] dapatlah jadi cikgu ganti untuk guru yang bersalin disekolah dia, tapi saya tak ingat saya mengajar subjek apa, teruk punya *deh* [kan] saya tak ingat saya mengajar subjek apa tak tahu dulu. Cumakan yang menariknya bila nak mengajar di Kuala Krai (tersenyum sambil mengusap pipi), nak duduk mana jauhkan saya orang Pasir Putih (menunjuk ke arah belakang), Kuala Krai (menunjuk ke arah depan). *So*, tumpanglah menumpang di rumah guru penggawa kan dia panggil kan, penyelia asrama ke dia panggil, (Fika mencelah “warden ke”) ha warden ha, perkataan tu, okay (terkekeh), *so* saya tumpang lah di rumah warden perempuan lah *so*, dia adalah bila tempat tersimpan katil-katil yang tak habis tu *so* saya duduk situ lah, cumanya pengalamannya mengajar budak sekolah menengah ni kan (sambil menunduk), kita ni -- remaja lah lepas SPM (badan ke belakang) *dok* [kan] remaja lah (ke depan semula sambil meletakkan tangan kanan di atas meja) remaja, jadi kene mengusik *sokmo* [selalu] lah budak budak tu, terutama budak lelaki. Sekolah Kuala Krai ni sekolah kampung lah sikit, tengah mengajar dia *duk* [buat] tak berapa nak dengar kita lah, kita ni bukan serius kemain (mengangkat kening sebelah kanan seketika sambil tersenyum) nak mengajar nya, *so* kena ‘boo’ pun ada, apa- apa pun itu pengalaman lah, tapi *anyway*[bagaimanapun] apa kita panggil... kita mengajarlah *jugok* (juga) (sambil tersenyum), okay, sempat (berfikir seketika sambil mata pandang ke atas) berapa bulan ek, tiga bulan, ha dapat lah rasa sikit gaji, (sambil tepuk tangan di atas meja buat seketika) itu yang pertama lah, lepastu bila saya *start* bekerja (angkat kening seketika) yang

houseman tu (kepala bertukar arah ke tepi) cerita *houseman* ni Fika, perkara yang tragis dalam hidup lah *housemanship* ni (ketawa). (Fika mencelah “kerja apa, boleh prof kongsikan” sambil tersenyum) Se *tought-tough*[kuat-kuat] saya pun mengalir air mata (terkekeh) menjadi *housemanship*. *That’s why*, kalau saya, saya setakat ni takde lagi anak yang nak ambil doktor, syukurlah, sebab boleh jadi gila *housemanship* -- kita panggil apa -- memang teruk lah (sambil menukar arah kepala daripada kedepan pergi ke kanan) *housemanship* ni, memang teruk. Kita tak tidur malam, memang *alternate day on call* [sepanjang hari] , *you* faham lah *alternate day on call* ni maknanya kita punch in pukul 8.00, punch in je pukul 8.00 (sambil berkerut -kerut dahi) kita *houseman* pukul 7.30 dah masuk dah, punch in je lama, pukul 7.30 dah masuk dah. Lepastu kerja, sampai pukul 5.00 dah kena *cover*[mengambil alih] dah, kita *on call kan*, kena *cover*, malam tak tidur sebab kita *houseman* takkan kita yang nak tidur, bos kita yang tak tidur kita yang tak tidurnya, *so* tak tidurlah malam (sambil tangan bergerak ke bawah) tu sampailah pagi esok, *imagine* [bayangkan], pastu [selepas itu] esok kita sambung balik, tak balik ni, balik tu kan(sambil terkekeh) , sambung kerja kerja sampailah pukul berapa tu?pukul 5.00 pukul 6.00 baru balik, balik tidur(sambil menundukan kepala ke bawah) *bengong kan?* [pening], pagi esok *start* balik rutin tu,so memang dahsyat, satu, *timing*[masa]. Yang kedua, dia masa *houseman* ni, kita kena *cover* tu sebab bilangan *houseman* masa dulu tak ramai, *so* satu orang *houseman* tu dia *cover* sehingga empat buat wad. *Imagine* lah malam-malam,-- yang paling tragis je saya kena *cover* wad *pediatrik* kanak-kanak. Saya ni jiwa keras, tapi kan bila kita jaga wad ni dapat *call*[panggilan], “doktor-doktor *patient*

[pesakit] ni bla bla mari sini [datang sini]” (sambil membuat tangan seperti telefon dan meletakkannya di telinga), kita pun ya Allah *stress* nya, kita pun dah tak tahu lah nak cakap apa kan, saya hanya menangis sambil berjalan, saya takde tempat nak menangis dah. Takkan kita nak *gi* [pergi] wad tu nak nangiskan [menangiskan] (sambil menghala kepala ke kiri) *nurse* [jururawat] tengok (menghala kepala ke kanan pula) *tak cerdik pulak kita* [tak patut pulak kita] . So tangisan saya, saya hanya menangis sambil berjalan dari wad ke wad. Menangislah saya, waktu saya nak ke wad A ke wad B waktu tu lah saya menangis. ‘Hmm’ (buat bunyi menangis sambil tunduk kepala ke bawah)(Tergelak) Sampai-sampai tu (buat gaya lap air mata) sambung buat kerja balik. Memang tragis, itulah yang saya boleh *citer*[cerita] nya, masa *housemanship*. Tapi, *stress gitu* [begitu] pun saya kahwin sambil *housemea* tu pulak, (Wow : Fika mencelah), boleh pulak kahwin masa tu, boleh pulak *pregnant* masa tu, teruk-- Tapi memang teruk lah, masa saya *pregnant*, *pregnant* punya lah saya *hyprem* [alahan], sambil bekerja, tiub ditangan, balik kerja saya bawak balik lah tiub air (sambil membuat gaya menggantung tube air), saya tidur, saya sambung tiub. Pergi kerja esok -- Dia ada bilik *houseman* di hospital di wad tu, saya buat kerja, saya masuk air dalam tangan saya, sambung balik. So itulah rutin. *You* boleh *imagine*, memang dahsyat lah. *That's ' why* doktor doktor ni dia akan sambung master sebab dia *stress* selalu main kuli macam tu lah. Lepas *housemanship*, saya terus di *post*[hantar] balik ke Kelantan, lepastu, masa tu saya Terengganu tu, di Hospital Terengganu tu. Saya balik Kelantan saya kerja di Tumpat lah. Masa tu *first time* [pertama kali] di klinik (tersenyum) jadi seronok sebenarnya di klinik

tu. Masa tu dah ada anak sorang, dukung anak pergi kerja, berkenalan apa semua. Masa tu di klinik *we are the bos* lah, so kita boleh rasa suasana kita ni adalah PIC ataupun bos untuk klinik dalam keadaan kita tidak ada *preparation* [persiapan] kita ni kena bersedia menjadi bos. Tu masalah jugak (suara meninggi sedikit). Yang tu sebenarnya menyebabkan kita kena buat pakar ni, pakar *public health* ni, so bekerja lah di klinik, kita *in charge* [menjaga] klinik, kita lah jadi staff ada semua bawah kita, satu unit tu kita kena *control*[kawal], so itu pengalaman yang kedua. Lepastu, ambil master dapat lah pakar ni, boleh lah jadi pakar kesihatan awam ni, saya pegang *pos* [*position*] [jawatan] pentadbir sebagai Penolong Pengarah Kawalan penyakit berjangkit TB dan Kusta. Masa tu, kita lagi bos lah, masa tu dah cerdik lah sebab kita dah buat master, dah belajar dah ilmu bos bos ni, so banyaklah cerdik nya, tapi cerdik pun ada lagi boss besar pada kita jugak, so banyaklah jugak masalah nya, kita panggil kita *intermediate bos* [antara pertengahan] boss lah. Cumanya bila bekerja sebagai -- di Wisma tingkat lima -- So banyak lah tugas yang kena keluar *office*. Kalau seminggu tak pergi KL tu tak jadi lah (sambil menggeleng kepala), *almost every week* [hampir setiap minggu] saya kena pergi mesyuarat bentang itu bentang ini. Satu pengalaman yang menariknya, kena hantar kursus ke (fikir sambil melihat kiri bawah) Thailand. Pertama kali ke luar negara, Ma syaa Allah, banyak nya kesilapan yang kita tak buat lagi, yang kita buat. Maklumlah kan (ketawa) pertama kali keluar negara Fika - Ya Allah Ya Tuhan, tak tahu lah, masa tu baru fikir tak cerdik nya aku (sambil menuding jari pada kepala) bawa barang banyak ni, bawak beg banyak ni, tak *ready* [bersedia] langsung, tapi (gelak) pengalaman biasalah kita

kan, bermula dari tak tahu belaka, bermula dari kesilapan belaka (terkekeh) banyak kenangan manis lah bila nak pergi ke luar negara, pertama kali ni. Jadi nak bagitahu, sibuk nya kerja ssbab kita kena tahu kita asyik keluar *outstation*, *and then* saya *apply* masuk sebagai *lecturer*. Masuk *lecturer* pulak kena mengajar lah pulak, saya ni walaupun dari kecil bercita cita nak jadi cikgu, *that's* saya kata tu bukan cita cita saya, sebab saya sebenarnya tak pandai pon *nok ngajar* [nak mengajar], saya tak suka mengajar, saya suka buat kerja saya je, tapi itu cabaran besar. Jadi saya pun kena lah amik PhD (kepala bergerak ke kanan). Dan sehingga sekarang, saya tak suka *deal*[berurusan] dengan *undergrad* secara intensif sebab saya takut nanti kena marah saya, sekejap sekejap tak apa, tapi lama lama ni tak boleh tak boleh, jiwa saya bukan budak budak merengek saya hidup dengan *survival*, nak merengek renek dengan saya mana boleh (tergelak) Ha itu lah cabaran saya.

FU : Tadi prof ada cerita tentang tesis prof masa PhD pasal Mikrobiologi makanan dan pemakanan. Bagi prof kenapa perlu wujudnya ahli yang pakar dalam bidang ni ?

DNR : Dalam negara kita, kita tak boleh lari lagi sebagai satu- kita ni Malaysia sebagai satu *middle income country*[negara berpendapatan sederhana] lah, negara pertengahan kita memang tak boleh lari dari masalah penyakit yang berkaitan dengan bawaan makanan, penyakit bawaan makanan *and even* di KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) sendiri dia memang ada satu *section*[bahagian] besar iaitu *food safety*. Cumanya, di peringkat universiti

terutamanya Universiti Sains Malaysia (USM) tidak ada lagi, pengkhususan dalam bidang ni. *So*, (sambil berfikir) kita perlu adalah subjek *expertise*[kepakaran], supaya dengan adanya seorang yang tahu -- yang *accredited*[bertauliah] / berkelayakan, maknanya kita membuka peluang untuk orang lain menjalani *research* ataupun *further*[menyambung] dalam isu-isu berkaitan dengan *food safety*. Kalau tidak banyak isu yang tak *settle*[selain] berkaitan dengan *food safety*, terutamanya di Kelantan banyak sangat sebab isu kita dulu sehingga sekarang ni berkaitan dengan air, isu berkaitan banyak sangat permis kedai-kedai makan yang terlalu banyaklah di Kelantan. *So*, dari segi *safety*, pengendalian, dari segi kebersihan, *so* banyak sangat isu. *So*, dengan adanya yang kita buka satu-- _ *area*[kawasan] jadi *hopefully*[semoga] perkembangan ilmu kajian itu boleh kita bantu luaskan lagilah.

FU : Soalan seterusnya berkait dengan orang yang nak mengamalkan gaya hidup sihat, adakah cara-cara yang di kongsi di internet boleh di guna pakai atau hanya-- tak berapa betul sangat cara perkongsian di internet itu ?

DNR : Internet dia banyak baik dan banyak buruknya internet. Kita sebagai pembaca kita kena timbal balik [berfikir secara betul] lah , yang paling penting kita kena tahu punca rujukan sapa-sapa [siapa pun]boleh menulis, anak saya *hok* [yang] kecik pun boleh menulis sebab dia dunia tanpa sempadan, *copy paste*[Salin tampal] pun dah dikira satu ilmu yang disebar jadi terlalu banyak sumber kita taip pun apalah Mr. Google tu akan jawab je dan Mr. Google dia dah naik taraf jadi Chef Google, Doktor Google, dia naik taraf habis dah sebab dia boleh jawab

everything[semua]. So ini menunjukkan, semua isu ni ada dalam ilmu Google. So untuk soalan ni, adakah sumber-sumber dalam internet tu boleh guna pakai ? *For sure*[Yang pasti] lah tak semua boleh guna pakai tapi *for sure* lah akan ada yang berguna. Cumanya yang penting, pastikan sumber itu kita tak seh sumber just *copy paste* dan kita tak nak sumber yang tak tau sapa-sapa, dia tak ngaku pun siapa yang tulis dan ada juga yang dia mengaku yang dia ni tulis, tapi kena kenal pasti lah dia ni siapa kadang-kadang dia ni doktor kita pun tahu ada yang artis-artis dulu dia tak habis pun PhD dah guna Doktor, so dia ni siapa.

FU : Saya nak tanya makanan-- ni berkaitan yang lain lah Gabungan makanan macam contoh susu dengan daging, ni saya baca dekat internet juga, susu dengan daging dia boleh menyebabkan makanan bertoksik betul ke prof?

DN : Sekarang ni kalau kita tengokkan susu tu dah di boleh digantikan dengan santan pun. *Point* yang saya nak cakap ni ada pun orang masak daging ganti santan dengan susu. So, pointnya tak ada toksik *menda [apa]*, nak makan serentak boleh nak masak sekali dalam periuk boleh, so tak ada isu toksid lah

(Fika bertanya) Terms makan bertoksik tu wujud ke tidak sebenarnya?.

Cuba search perkataan *toxic food*[makanan beracun] memang tak ada, *Toxic food* ni dia satu term general yang layman guna yang nak macam kita kata “tak sah kawan lah dengan dia toksik tu”, dia toksik ni satu *environment* (sambil membuat gaya bulat) ataupun satu keadaan yang memang kita tak suka, ataupun

menyerabutkan [serabutkan] kita lebih kurang *gitu* lah, jadi saya anggap lah-- dia dalam akademik ataupun dalam dunia sains tidak ada perkataan *toxic food*, yang kita ada adalah *poisonous food* [makanan beracun] (sambil berfikir) *contaminated food*[makanan yang tercemar] , *toxic food* tak ada tapi *toxicant in food*[toksik dalam makanan] ada, *toxic food* makna dia sudah tukar perkataan tu dia jadi satu kata nama ataupun adjektif *gitu* kot. Tapi kalau *toxicant in food* maknanya satu kata benda yang--makanan yang ada toksik yang tu ada tapi *toxic food* secara satu perkataan (menggerakkan jari telunjuk dari pada dua belah tangan untuk merujuk pada toksik food) tu memang tak pernah guna yang hanya *layman* menggunakan yang-- bila saya search dia guna macam kita panggil-- *toxic food* ni mungkin juga makanan tu jadi (berfikir) semua orang tak suka boleh jadi toksik jugak, ataupun satu *environment* yang memang semua orang pergi -- *dok cemuh* [mengecam] dia boleh jugak so *layman* lah Fika.

FU : Satu lagi kemusykilan saya tentang ubat-ubatan kampung seperti herba, akar kayu dan sebagainya, Bolehkan kita ikhtiar untuk makan ubat- ubatan kampung tanpa perlu makan ubat hospital, bagi pandangan prof sendiri ?

DN : Ubat kampung kita tak nafikan, *even* ubat hospital pun kebanyakan kita panggil **R** *derivative* asal dia, dia ambil, dia guna, ataupun dia buat daripada-- (sambil berfikir) produk daripada tumbuhanlah flora fauna *so* pokok-pokok lah. Dan satu lagi tengok sekarang ini di universiti kebanyakan universiti pun-- *even* di KKM pun dia ada komponen *complementary medicine*[ubat pelengkap] di USM

kampus Kubang Kerian pun dah ada pun kursus *Complementary Medicine* maknanya mengambil kira dan mengiktiraf kajian-kajian yang melibatkan herba ataupun madu ke apa ke yang orang-orang tua kita, adat-adat kita budaya kita guna(sambil menggerak-gerakkan tangan kiri). So, apa yang saya nak nyatakan bahawa, akar kayu ke herba ke diakui ada *potent*[kekuatan] dia, ada kesan dia, kesan baik lah yang kita cakap ni. Kesan baik kepada kesihatan itu secara umum, dan buktinya sejak daripada generasi-- beberapa generasi dah guna dah produk tu. *Pointnya* masalah *la ni* bila kita guna produk tu ataupun akar-akar kayu, adakah kita nak mengira dia ni akar-akar kayu ni sebagai *treatment of choice* [rawatan pilihan] sehingga menafikan kita dapatkan rawatan di Hospital, itu salah,. Biasanya, akar-akar kayu ni kita guna waktu kita sihat, lepas kita beranak, bersalin, *and then* yang kedua, kita tak ada *specific disease*[penyakit tertentu], tak ada penyakit tertentulah tapi bila kita ada penyakit tertentu kita kena lah *check*[periksa]. (sambil berfikir)Tapi ada jugak, kita ada penyakit tapi ubat tu tak ada boleh lah jugak kita nak ambil samping-samping kita *follow up*[susulan]. Jadi akar kayu, tak dinafikan ada keberkesanan tetapi makan akar kayu ataupun herba-herba jangan sekali-kali kita berhenti mengambil rawatan di hospital atau makan ubat-ubat di hospital. Satu lagi, yang kita *concern*[keprihatinan] dan juga KKM *concern* adalah *content*[kandungan] sebab kita tau ubat-ubat akar kayu ataupun herba-herba ni masih mempunyai ramai peminat dalam kalangan budaya kita. Jadi, ramai orang ambil peluang lah sebagai satu *business*[perniagaan] produk. Ini satu yang dipandang serius saya sendiri pun rasa perlu dia ambil serius oleh semua *ore*[orang] dan juga KKM pun dia letakkan bawah kawalan farmaseutikal nya

kalau mana-mana produk dikategorikan sebagai ubat maka perlu mendapat pengiktirafanlah maknanya *approval*[kelulusan] daripada biro farmaseutikal sebab ramai yang mengambil peluang ni. Biasala masyarakat kita banyak akar kayunya kalau kita amik contoh tongkat ali je lah banyak sangat produk dia tapi kalau dia *claim*[tuntut] itu sebagai ubat dia memang kena dapat-- *that's why* tak ada tongkat ali dia *claim* sebagai ubat, minuman je dia *claim*. Jadi saya rasa, saya boleh *conclude*[membuat kesimpulan] bahawa herba ataupun akar-akar kayu memang tidak dinafikan khasiatnya cuma, apabila kita nak mengambil kita kena berhati-hati dengan pembeli yang menjual. Saya setakat-- saya makan juga *a few*[beberapa] herba tapi saya akan masak sendiri, saya akan beli saya akan masak saya akan rebus sendiri sebab saya tak *confident*[yakin] tahu tak saya pernah mintak seorang kawan saya beli, kawan ni doktor juga pakar juga dia memang suka makan juga akar kayu *so* dia bagitau dekat saya lah dia *share*[kongsi] diambil daripada sapa- sapa lah apa semua yang dia *confident* dengan pembuatnya saya pun pesan sehingga sekarang satu biji pun saya tak telan (menunjuk nombor satu menggunakan telunjuk) sebab saya terlalu berhati-hati dengan *content*. Biasanya, orang salah masuk-- bukan dia sengaja masuk sebab *content* yang paling *effective*[berkesan](sambil berfikir) keberkesanan adalah *steroid* kalau ubat-ubat akar kayu *hok* sedap bila makan rasa segar *steroid*. *So steroid* mudah je nak beli nak masuk dan kita tak sedar, so saya tak nak itu berlakulah jadi pastikan sumber, kalau kita nak makan juga kita buat sendiri lah yang kita beli. Yang kedua, yang kita kena hati-hatinya adalah dari segi dos, setakat mana kita nak makan jadi kalau kita ni mula-mula nak cuba jangan lah nak rebus segenggam

terus (sambil menunjuk genggam) rebus sikit-sikit dan *try*[cuba] kita tau lah setakat mana reaksi, kepanasan ke ataupun ada *effect* apa-apa ke kita bermula dengan sedikit jangan terlalu tamak nak cepat sangat, sebab masalah akar kayu ataupun ubat-ubat ni yang tak ada kawalan kita tak boleh nak *determine the dose, the safety and the dose*[tentukan dos, keselamatan dan dosnya]. Itu dua perkara penting lah.

FU : Sesetengah masyarakat mengatakan, kalau kita makan ubat herba akar kayu, kita tak makan hospital sekali gus. Adakah benar atau sekadar mitos?

DN : (ketawa) Memang lah, itu memang salah sama sekali. Cumanya, selaku seorang doktor, saya sendiri memang tak suka memberi nasihat, direct menentang apa pandangan pesakit kita. Contohnya kalau pesakit *mari* [datang] “Doktor, saya tak boleh la nak makan ubat, sebab ubat ni (merujuk kepada ubat herba) tak boleh nak telan sekali.” Saya takkan [tidak akan] sekali-kali kata “boleh [boleh] telan je”. Saya takkan kata gitu. Saya akan kata “kalau nak telan tu telan lah, lepas dua jam telan lah *pulok hakni* [merujuk kepada ubat hospital]”. Biasa kita akan membuat *option* [pilihan] macam tu lah. Tapi, setakat ini, tak ada mana-mana ubat-ubatan mengatakan kontraindikasi terhadap akak-akar kayu ke apa-apa *takdok* [tidak ada]. Mungkin takde bukan disebabkan takde, takde research kajian. Kita boleh juga letak situ-- Cuma secara spesifik, kita tak pernah jumpa lagi *ore* [orang] *mari* sebab ada *reaction* [reaksi] sebab telan sekali dua masuk hospital. Tak pernah jumpa lagi sepanjang hidup saya (meletakkan tangan di dada

merujuk kepada diri beliau). Cumanya, *soft advice* [nasihatt] bila pesakit mari gitu [datang begitu] kita akan nasihat reaksi tu *takdok* [tidak ada] tapi kalau takut sangat biarlah ada *gap* [jarak] dua jam. Sebab perut kita ni, bila kita makan dia masuk dulu dalam perut kita ni kan (merujuk kepada perut) dia proses dulu kat perut tu, dalam masa dua jam di akan *empty* [kosong] kat perut. *toksoh* [tak perlu] takut la -- kita makan apa pun, dia dah tak bercampur dah dalam perut. Biasanya, kita menggunakan kaedah tu untuk *convenience* [nasihatkan] pesakit kita. Sebab doktor tak ada hak *nok lare ore ni tokse make ubat* [tidak ada hak untuk melarang pesakit untuk tidak mahu makan ubat] dan kita pun tak tahu ubat tu baik ke , tak baik ke. *So that's freedom* [kebebasan masing-masing] selagi tidak ada kesan dan kita sendiri tidak ada bukti saintifik . Tapi ambil ubat hospital itu wajib, sehingga satu peringkat -- mana-mana bomoh , penjual ubat kata “kalau nak telan ubat ni, kena berhenti ubat hospital”. kalau yang tu *no choice* [tiada pilihan] kena tinggal dulu ubat akar kayu ke yang apa ke, telan dulu yang hospital. Biasa nya itu yang kita nashat.

FU : Pada tahun 2008, prof dah menjadi pensyarah kepada pelajar-pelajar yang sedang membuat pengajian dalam bidang kedokteran, okay boleh saya tahu pada tahun berapa prof mula menjadi doktor pakar?

DN : okay, rasa tadi dah sebut dah, doktor pakar apabila kita menyambung program
R MMedSc yang empat tahun tadi. Okay *so* saya lepas di klinik kesihatan yang ada tadi sebut, saya sambung master. Master itu merujuk kepada program kepakaran okay Master in MedSc (MMedSc) iaitu membuat kepakaran dalam bidang *Public*

Health, tahun 2001 habis 2005. So saya masuk USM 2008 dengan *title*[gelaran] sudah jadi pakar. So biasanya pensyarah, kalau di USM lah (sambil jari menggosok mata), rasa di universiti lain pon kalau nak jadi pensyarah pada program *medic* paling minimum kena ada “pakar” yang master tadi yang empat *years specialist*[tahun pakar].

FU : Semasa prof menjadi pensyarah, adakah dalam masa yang sama prof menjadi doktor yang merawat orang tu atau fokus sebagai pensyarah sahaja?

DN : Untuk saya, saya dah tak merawat orang *since*[sejak] saya *amik* [ambil] Master.
R Saya takda [tiada] *direct*[langsung] merawat orang. *That's* dia bergantung kepada *speciality* [kepakaran] kita, dia ada *a few speciality*, profesion doktor ni dia dah tak ada *direct* [terus] dengan pesakit termasuk lah *Public Health* . Dan dia ada jugalah *speciality* lain la macam *lab based*[berasaskan makmal] macam *microbiologist*[ahli mikrobiologi] , dia *takde* [tiada] *direct touch*[sentuhan langsung] dengan pesakit ataupun *physiologist*[ahli fisiologi] ataupun kita panggil *micro pathologist*[ahli patologi mikro], yang *lab based* lah. memang dah takde [tiada] dah *direct touch* dengan pesakit. Kita yang *lab based* di belakang tabir lah, di *lab-lab*. So *public health* ni kita lebih kepada *prevention*[pencegahan], bagi profesion *public health* pesakit kita adalah *community*[masyarakat] bukan *patient*[pesakit] sebab biasanya kita faham *patient* tu orang sakitlah yang pergi klinik ataupun yang pergi hospital. Tapi untuk *public health*, dalam erti kata

pesakit ataupun sasaran (sedang berfikir) *interest group*[kumpulan minat] yang kita fokus adalah *community*. *Thats why* nama program yang saya masuk buat master tu *Master in Community MedSc*.

FU : Okay kita nak sentuh sikit tentang isu semasa, Covid-19. Pada pandangan prof, mengapa ada golongan yang mengatakan isu covid-19 ni rekaan semata-mata?

DN : (tangan menggosok mulut) Saya pun tak faham juga sebenarnya.(ketawa) sebab
R apa boleh kata rekaan semata-mata. Tapi itu lah (tangan di dagu) kalau kita fikirkan macam firaun dia berdepan Nabi Musa pun dengan mukjizat yang nyata pun dia boleh tak nampak lagi. Tu Nabi. So covid ni, kita nampak dah orang tu sakit, orang tu batuk, orang tu masuk hospital, orang tu mati, (tangan memegang hidung) tapi masih mengatakan itu adalah konspirasi ataupun benda yang-- tak tahu benda saya nak kata pun tak faham Fika, nak komen pun tak boleh (dahi berkerut)mungkin tak sampai lagi-- tak nak cakap nanti bahasa kasar kan. Dilarang bercakap bahasa kasar (ketawa).

FU : Kalau kita cakap pasal covid19, akan dikaitkan dengan vaksin. Alang-alang dapat cakap dengan Doktor, Boleh prof terangkan seberapa pentingkah vaksin itu kepada manusia? Adakah vaksin itu mampu covid ataupun mencegah covid itu dari dijangkiti?

DN : Dalam penyakit yang manusia secara umumnya hidapi ada beberapa jenis
R penyakit. Satu kita panggil penyakit yang tidak berjangkit [*Non Communicable Disease*] contohnya kencing manis, diabetes, sakit jantung. Satu lagi kita panggil, *Infectious Disease* iaitu penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit ini dia banyak kategori, kebiasaan kita pecah kategori ni kepada penyakit berjangkit disebabkan oleh parasit termasuk lah kecacingan, kita panggil , *lepto*. (Sambil berfikir) *Lepto* virus ke parasite? Okay ada lagi kita pecahkan kepada bakteria, disebabkan oleh agennya bakteria contohnya *typhoid*, keracunan makanan pun banyak disebabkan bakteria. dan satu lagi, sebenarnya ada lagi kategori tapi yang besar saya sebut *deh* [ya] adalah virus. Virus termasuklah *HIV* [*Human Immunodeficiency Virus*], denggi dan *Corona virus* iaitu *covid*. Okay, dalam beberapa kategori besar yang saya sebut yang *infectious disease*, kalaulah yang disebabkan parasit contoh cacing. Dia benda ni , makhluk besar. kalau kita kategorikan agen adalah makhluk besar yang kita tahu benda tu hidup , kita boleh nampak dia ni *even* dia ni dan biasanya dia ada ubat. Ada ubat yang boleh bunuh dia. *That's why* cacing, budok-budok [kanak-kanak] makan ubat cacing esok *tubeklah* keluarlah cacing. kan memang dia boleh mati. Bakteria pun macam tu. Bakteria ni kategori-- kalau bawah mikroskop ni memang kita boleh nampak, senang lah dan dia ni memang benda hidup. jadi kita nak bunuh dia pon senang dengan antibiotik. Antibiotik boleh bunuh dia. Masalah virus ni satu makhluk yang susah [susah]. Sebab dia dah la halus sangat dan dia ni macam *coronavirus* , dia bukan benda hidup. Tahu tak virus ni bukan benda hidup. Dia hanya membawa enjin kita panggil *RNA* [*Ribonucleic Acid*], dia bawa satu genetik.

kalau dia masuk ke dalam sel , ada *touch*[sentuh] sel dengan sel kita (jari menyentuh permukaan tangan) dia akan masuk *penetrik* dalam tu. Dia akan hidup, kalau di luar tak hidup. Dia bukan makhluk bernyawa yang ada nyawa. *Point* dia gitu [begitu] dan kebanyakan penyakit yang disebabkan virus takde [tiada] ubat. *HIV* mana ada ubat. Denggi mana ada ubat. Takde yang spesifik untuk virus. mungkin ada satu dua yang kita panggil ada ubat. *Even* macam *HIV* pun dia ada antiviral okay tetapi bukan nya bila telan je mati. Contoh kita panggil *herpes zoster*, kayap. kayap pon virus . Dia ada ubat kayap antivirus tapi dia bergantung. Virus ni memang (mengangkat kedua-dua tangan) jenis, spesies dia beribu-ribu. Okay ada yang memang tapi *most of the virus especially virus* [kebanyakan virus terutamanya virus] baru dia memang tak tahu ubat apa and *quite difficult*[agak sukar] untuk amik [ambil] ubat lain bagi sebab keberkesanan dia tu kita tak *test*[uji] pun lagi. Dan dia tak semacam bakteria tadi. Kita panggil apa (tangan sambil gosok dahi) satu spesies, satu makhluk yang terlalu sukar untuk difahami virus ni. *That's why* dia *takes time*[ambil masa]. Satu lagi kena faham, virus macam corona ni kaedah dia mendatangkan *harm*[memudaratkan] yang mendatangkan penyakit kepada manusia. Bila dia serang, dia bukan serang setempat macam bakteria bila kena kulit kita jadi bisul situ. Ini bukan jenis cara dia kerja virus covid , so bila dia masuk dia kan *penetrik* lepaskan enjin genetik dia, cip dia , dia masuk. Dia akan *control* [kawal] sel kita, sel kita yang akan *produce*[menghasilkan] sistem yang melawan balik tubuh kita. *reaction*[reaksi] tu berlaku, jadi dalam kita nak merawat jangkitan viral ini, maknanya kita kena *develop* [mencipta] satu *immune* [pertahanan] bila dia masuk badan kita terus

boleh *attack* [serang] dia, badan kita dah *ready* (pegang dagu) bersedia sebab dia makhluk kecik, kalau kita tak ada sistem pertahanan, badan kita lambat nak *response*[tidak balas], haa dia macam tu. Yang ketiga, dari segi virus ni pula kaedah jangkitan. yang dasyat nya covid ni , dia *transmission*[penularan] melalui udara. Mana-mana penyakit yang *transmitted* jangkitan melalui udara dia memang terlalu bahaya sebab kita bernafas melalui udara. Dia tak nampak. kalau melalui sentuhan senang, jangan kita bersentuh. Tapi kita *breathing*, bernafas dia keluar, terlalu mudah dan dalam keadaan tak nampak. Mana-mana penyakit yang tersebar melalui udara dia memang dahsyat. *So*, masalahnya sekarang ni, virus covid memenuhi kriteria-kriteria yang susah sangat dan terlalu bahaya. *So, the best method of treatment*[Jadi, kaedah rawatan terbaik] , kita kena *ready*kan *host* maknanya manusia dengan satu pertahanan badan yang *readily there*. Kalau virus tu masuk terus dia boleh lawan. kaedah dia macam tu [itu]. Bakteria kalau masuk kita telan antibiotik ni tokleh [tidak boleh]. *Thats why* datangnya prinsip vaksin, prinsip vaksin ni kita *ready* siap-siap orang itu ,penerima vaksin dengan sudah ada sistem imun dalam badan dia. (berdehem) itu satu. jadi, bila inject vaksin, badan kita akan stimulate awal-awal lagi (berdehem). Badan kita ni memang *special*[istimewa], kita ada dua sel imun yang penting sangat yang dinamakan T sel and B sel yang bertindak sebagai sistem memori. Maknanya dia akan *stimulate*[merangsang] bahan yang boleh menyebabkan sel darah kita, yang memori sel ni boleh kenal dan dia sudah *ready made* badan kita. Masuk je [sahaja] benda macam ni, memori ni macam *template*, masuk je [sahaja] dah ada kilang tu, dia tunggu nak jadi hasil. Jadi bila kita bagi vaksin, badan kita ni dah *ready*

ada kilang tu sebab memori sel dan ada dan boleh terus lawan. Itu satu konsep. Yang kedua, bila kita menerima vaksin, kita nak paling kure [kurang] *community* kita ni jadi pembawa [*herd immunity*] imuniti berkelompok, selagi kurang pembawa, maka akan kurang lah *transmission*, penyebaran kuman sebab kita akan kurangkan *load* kepekatan virus dalam persekitaran. Kurang orang bawak [pembawa] maka kurang lah. Ataupun virus tu masuk dalam tubuh, bila dia ada vaksin, *reaction* pun kure [kurang] dan *load* virus yang dikeluarkan pun dah kurang. So vaksin ni, salah satu peranan penting, dia mengurangkan *load of the*[beban dari] penyebaran vaksin. itu pun dipanggil *herd immunity jugok* [juga]. So penting sangat mengurangkan jangkitan daripada risiko kita ini dijangkiti. Yang kedua, mengurangkan risiko kalau dijangkiti, kita mendapat jangkitan yang teruk dan yang ketiga mengurangkan risiko untuk penyebaran *transmission* berterusan viral *load* yang tinggi dalam masyarakat.

FU : Macam mana dengan golongan yang anti vaksin? Macam mana boleh wujudnya golongan ini? pada pandangan prof?

DN : Dia menarik anti vaksin ni. (berfikir) dia manusia-- *the unique of human*
R *being*[keunikan manusia]. kalaulah dunia ni semua manusia berfikiran sehalu, tak perlu [tidak perlu] lah Allah ciptakan neraka. Haa dahsyat ayat (ketawa kecil). Tapi *gitu* [begitu] lah. Saya tidak samakan dengan vaksin yang tu nak bagitahu keunikan manusia berfikir. kalau kita kata A akan ada orang yang kata B. bukan sekadar B, Z pun ada. itu keunikan sebab manusia ni Allah bagi kepelbagaian, kefahaman, ilmu, *instinct* [naluri]. Banyak muqaddimah yang luas (tersenyum).

Untuk vaksin ni dia menarik (berdehem), perasan tak, kalau bawak [bawa] adik-adik pergi suntik vaksin di klinik-klinik kan. kalau kita beranak je anak kecil dalam *labor room* [bilik bersalin] nanti , *mok* [mak] tu tak sedar pun anak dia tu memang kena *jek* [inject] terus je *BCG* [*Bacillus Calmette Gurrain*]. Sedar-sedar anak dia dah kena *jek* [inject] dah pun. *Takdok* [tiada] pun kata “aku taknak vaksin” . Dia tak sedar pun anak dia dah bagi [dibagi] *BCG* vaksin tu. Dan sebenarnya, banyak pun dia bagi vaksin untuk budak tu hingga umur enam tahun tu dekat sepuluh vaksin tu. Tambah pula darjah enam, tambah pula tingkatan -- banyak-banyak vaksin. Tapi kan, sejarah anti vaksin ni, yang mula-mula vaksin ni , kita buat vaksin untuk *chicken pox*. *You all* tak kenal dah *chicken pox* -- itu lah disebabkan vaksin lah *you alls* tak kenal. Kalau takde [tiada] vaksin *you all* akan tengok lagi *chicken pox*, penyakit cacar. Cuba balik tanya mak, kalau mak muda tak tahu lah. kalau mak tua pernah tengok kes cacar, *chicken pox* . Vaksin kita buat mula-mula berlaku kes *Chicken pox* yang dilaporkan di England dulu pada tahun [1800s]. Bila berlaku kes CP tu, dia berlaku *infectious disease*, bahagian penyakit *infectious disease* yang susah nak control. *So*, CP ni, dia mula-mula dilaporkan berlaku di England dan berlaku perebakan CP. *So* masyarakat di England pada masa tu memang *havoc*, *stress jugak* [juga] lah. CP ni masalah virus dan tak jumpa ubat lah, merebak banyak dan teruk CP. Sampai lah satu waktu, ada seorang *family* ni tak ingat nama, dia jumpa untuk nak melindungi CP daripada dijangkiti *family* dia, dia kena ambil *limfa*, *limfa ni* --kalau *you all* pernah sakit gigi pernah tak bengkak-bengkak sini (sambil pegang bawah dagu) pernah? itu adalah sistem limfa. sistem limfa ni sistem pertahanan badan, askar- askar kem

tentera kita panggil. Dalam keadaan biasa dia tak wujud, tapi ada jangkitan dia akan wujud. Dia akan *produce* tentera dia, tapi kita akan sakit lah sikit (berdehem) kalau kita naik bisul di bagian anggota badan bawah, kita akan bengkak di celah kangkang kita. Perasan tak? itu limfa jugak. Limfa ada merata, bawah ketiak ada-
- So itu nak bagitahu limfa tu apa. So, keluarga ni kata, kalau dia ambil limfa yang dijangkiti tadi, dia tak bagitahu tak cerita macam mana dia ambil limfa tu. Dia masukkan di tempat yang terkena jangkitan ke apa ke, so didapati orang yang menjangkitkan diri dia dengan limfa yang telah dijangkiti dengan CP, orang tu tak kena dengan jangkitan baru. So itulah mula-mula wujudnya konsep vaksin. Kajian bermula daripada situ. Bila bermula kajian daripada situ (meletakkan tangan di meja) maka, mulalah berlaku *reaction*. Bukan zaman kita, zaman dulu. Berlakulah tunjuk perasaan tak suka sehinggakan ada gambar-gambar --. tak boleh nak bayanglah zaman dulu dia keluarkan gambar, banner, poster macam-macam kata, gambar dahsyat-dahsyat lah, yang menentang vaksin tadi. Seinggalah, kerajaan England pada masa itu mewajibkan vaksin sebab memang merebak sehingga ke Amerika CP. CP ini tidak sedahsyat covid. Saya pun lupa tapi tak silap saya dia lebih kepada sentuhan. Lepas tu, bila kerajaan pada masa tu mewajibkan vaksin sebab tak *stop* tu, datang pula demonstrasi sehingga ratus ribu berkumpul menentang, -- lagi dahsyat kalau [kalau] kita kira dengan covid lani [sekarang] takdok [tiada] lagi demonstrasi. Hanya kut [melalui] internet je [sahaja] tu [itu] pun kita dah *stress* palo [kepala] mikir [fikir]. Tapi zaman dulu, ada demonstrasi, ada bawa pikul keranda sebagai protes la sehingga ada pasangan yang rela dimaksudkan penjara kerana taknak anak dia divaksin dengan CP.

Jadi nak bagitahunya, penentangan tu wujud sejak 1800 lagi dan bukan skala kecil, skala besar. Kenapa dia menentang? Isu nya macam tu lah. Tadi Fika tanya bila wujud(memberi tahu kepada fika) , dia wujud tahun tu la fika ,1800 [1800s]. Dimana bermula kisah ni? Masa mula *start* CP tu di England, demonstrasi juga berlaku di Amerika apabila di Amerika pun berlaku jangkitan penularan CP. So, dia *enacted*[digubal] juga undang-undang, berlakulah juga penentangan. Cuma kenapa sebenarnya mereka menentang? Antara sebabnya, satu, dia kata melanggar hak-hak asasi, hak dia tubuh dia kan bakpo [kenapa] nak cucuk [suntik] nya. Tubuh dia hak dia lah. *Human rights*[hak manusia]. Yang kedua, dia kata dia orang yang silap agama lah. Zaman dulu lagi di England, di Amerika , dia kata orang yang cucuk[suntik] vaksin ni bukan orang 'kristian *pior*' samalah dengan kita menyalahkan agama la, konspirasi la , isu ni memang wujud sejak dulu lagilah. Yang ketiga, dah kata, tak percaya kuman ni wujud. dia kata sebab lain macam CP juga dikatakan sebab pencemaran. Pencemaran daripada udara la apa la, bukan daripada kuman yang tak nampak ni dia kata. So, itulah antara punca-punca berlaku manusia ni menolak apa nama vaksin. So, sama la denga situasi covid vaksin lani [sekarang] (berdehem) cuma yang positif kita boleh ambil kan. Vaksin dia *throw out*[membuang] , berapa puluh vaksin dah kita ada, tapi apa yang kita nampak? Berjaya pun (sambil senyum). Faham dok [tak]? Berlakulah penentangan macam mana pun , biasanya *at the end*[pada akhir] akan boleh di *implement* [melaksanakan] dengan jayanya. Cumanya (berdehem) lambat, cepat. Kalau lah ramai yang pakat-pakat [sepakat] membantu, pakat-pakat [sepakat] memberi maklumat, perbetulkan salah faham apa semua ni, makan lebih

cepatlah kefahaman itu diterima dan *coverage*[liputan] vaksin itu boleh dibuat. Cuma Ioni [sekarang] mungkin kerajaan tak mewajibkan, kita pun kena faham juga stok vaksin pun kurang. Kalau kita wajib apa semua, stok pun takdok [tiada]. So, cantik dah apa yang kerajaan buat, dia buat secara berfasa, senada, *seline*[garis] dengan kita punya stok vaksin yang diterima oleh di negara kita secara berperingkat. So, taksoh [tidak perlu] runsinglah, cuma jangan lah berada di *comfort zone*[zon selesa], taksoh [tidak perlu] runsing lepas tu kita pun senyap. Tak boleh, kita *keep on educate*[terus mendidik]. Kita kena berpandangan positif, berapa puluh vaksin dah orang tolak akhirnya vaksin jugok [juga].

FU : Kita ke soalan yang seterusnya, sekarang terlalu banyak produk-produk yang timbul seperti minuman kurus, susu putih dan sebagainya lah. Pada pendapat prof, adakah kajian yang dibuat tentang produk-produk ni? Untuk prof minum produk kurus tu memang tak kan. Untuk percaya content suatu product tu memang susah. Jadi, Apa pandangan prof tentang produk- produk ni?

DN : Sememangnya kita tidak terkejar dengan produk- produk. Kita kalau nak buat R *research* apa dia *take times*. Produk ni dalam satu hari pun boleh terhasil produk. Keberkesanan produk, kita memang tak percaya la Fika kan *Thats why* kita join [Hitfat]. Kesian juga kat orang- orang yang percaya tu. disebabkan produk kurus ni dia boleh kurus untuk satu fasa kalau dia ambil awal tu kan, sebab dia kurangkan, dia *stimulate* pengeluaran *urine*[air kencing], jadi kencing ataupun berak yang kerap. So kita panggil kurus air lah. *Dehydrate*, dia mengeluarkan air.

Dia memang dia jadi, *especially* kalau orang tu gemuk sangat ataupun obese. So dia akan jadi untuk fasa awal. Tapi untuk fasa-fasa seterusnya memang tak mampu. Cuma walaupun jadi, benda tu bahaya sebab dia *dehydrate*. Bila *dehydrate*, badan kita ni akan kurang air. Jadi ada perubahan, tapi tidak stabil proses metabolik badan. So benda tu memang tak - di *recommend* [mengesyorkan] lah. Satu lagi, produk kurus yang kita runsing dia ada - bahan yang rencat selera makan. Bila makan dia tu, jadi tokse[taknak] makan dah. Dia memang ada produk, dia ada bahan aktif dalam tu dan bahan aktif ni dia memang bahaya sebab dia boleh mengganggu jantung kita (phone ringing). Dia memang ada kesan direct kepada jantung. So memang tak digalakkanlah. Saya rasa, kalau produk-produk kurus ni (membuat muka) -- setakat ni yang saya ingat *medical line* yang betul-betul *approve* lah secara *research* yang menyatakan “makan produk ni boleh kurus” kan fika, kalau dok [tidak] kita makan doh [sudah].

FU : Susu- susu putih tu macam mana prof?

DN : Saya sebenarnya ketinggalan susu putih ni. Cuma saya dengar susu putih ni ada R kaitan dengan artis tu. Cuma saya tak tau apa yang dia *claim* dalam susu putih tu?

FU : Fika: Dia kalau minum susu tu, banyak la sekarang produk- produk yang susu jadi putih gebu je kulit. Kalau ibu menyusu jadi banyak susu. Tapi produk-produk ni prof ada yang claim kelulusan KKM. Jadi kalaulah ada side effect, kesan sampingan, kemudaratan lah dalam produk tu, Macam

mana boleh dapat kelulusan KKM? Adakah kelulusan itu betul atau tipu sahaja?

Yang pertama, kita sebagai pengguna, kita kena check sendiri produk tu lulus ataupun tidak. Sebab, biro farmaseutikal atau kelulusan produk ni, dia telah menyediakan satu laman web untuk kita *check anytime*. Masuk je nama produk tu, kalau keluar nama produk tu, lulus lah. kalau takde [tiada] , takde [tiada] lah. Okay itu hak kita sebagai pengguna. Jangan kita nak caya [percaya] kepada penjual. Eh saya ni kan *acak kali* [banyak kali] takkan tak pernah jumpa, okay ke tak, balik rumah baru kita tahu tak okay. Biasa je kita jumpa. Kalau dia kata tak okay , takkan di nak jual produk tu kan. Itu *common sense* [logik akal] la. Yang pertama kita sebagai pengguna, Yang kedua, produk yang dibenarkan KKM adalah bukan dalam bentuk -- dia *claim as* rawatan untuk tertentu. Dia tak boleh *claim* air ini boleh menguruskan memang takkan lulus. Mana ada dia boleh *claim* macam tu, mana ada KKM lepas. Dia hanya boleh *claim* -- contoh ‘Susu kelabu ini mengandungi apa dan sangat sesuai untuk’-- dia boleh cakap macam tu. Di tak boleh cakap ‘makan susu kelabu ini maka anda boleh menjadi putih’-- itu memang KKM takkan lepas. Sebab (berdehem) *labelling*[melabelkan] *claim* ada undang-undang dia, dia tidak boleh nak *claim* macam minum Milo anda jadi sihat. mana ada. Cergas dan Kuat. Tak boleh *claim* macam tu, untuk kesihatan. Dia boleh *claim* secara umum. mana- mana ubat yang kata ‘ubat ini sesuai untuk kencing manis’, tak boleh. Dia tak boleh *claim*. Dia ada peraturan *labelling*, tidak boleh *claim* kepada mana-mana penyakit. salah , KKM tak akan lulus. Cuba check betul ke mungkin dia la yang cakap.

Fika: sebab masyarakat sendiri, dia akan terpengaruh tu dengan lulusan KKM. Bagi nombor NOT tu , produk ni okay.

Lagikan duit pun ada duit palsu, takkan *hologram* apa semua tu orang tak boleh nak buat, *check* dalam laman web. Sebab kerajaan kita-- Malaysia ini sememangnya dah bagus, dia memang ada laman web boleh check produk ni, eh kita check sendiri lah. jangan percaya orang jual [penjual]. kalau lepas, lepas lah.

Fika : kalau yang dah minum, testimoni-testimoni mengatakan , saya minum produk ni saya kurus, saya minum produk ni saya putih, macam mana keberkesanan tu, adakah berpunca dari produk itu, atau pemakanan individu itu?

Kalau ikut Islam kita pun tak terima kata-kata ni kan. Saya pun boleh kata saya jumpa Nabi berapa kali. Nak percaya ke? Tak percaya benda-benda gitu [begitu] --Dia tak boleh. Testimoni *is not an evidence*[bukan bukti] base untuk apa-apa tindakan yang kita ambil. Dan kita tidak nafikan individu yang dia ambil dia jadi. Tapi kita terlepas pandang. Individu A ambil dia jadi. Seratus lagi individu lain yang ambil tak jadi, kita tak tunjuk. Itu namanya testimoni. Testimoni ni hanya war-warkan , kedepankan orang yang dia nak, yang berjaya, yang memenuhi kehendak dia, hok [yang] tak berjaya dia tepi [letak tepi]. Itu adalah kelemahan besar dalam testimoni dan tidak langsung diguna pakai sains ataupun apa tindakan perubatan apa ke kita memerlukan *evidence base*[berdasarkan bukti]. *Evidence base* ni adalah *benefit out weight* maknanya, melebihi keburukan. Kebaikan jauh melebihi keburukan baru kita terima dalam konteks yang betul-betul kajian yang

cukup piawai. Dia tak boleh testimoni. Mungkin, orang yang lulus itu betul dia makan, kita tak nafi tapi satu lagi *question*[soalan], betul ke dia makan? macam orang pakai goni [ini] comel kosmetik, kalau [kalau] dio [dia] comel [cantik] doh [dah]. Try amik sayo teh paka rano dio tok jadi [Cuba ambil saya, pakai macam mana pun memang tak menjadi]. sebab kita tak tahu dia comel [cantik] tu sebab menda [apa] . Sajat dia comel [cantik] sebab dia berapa kali operate. Kalau azali dia cantik tak? tak. Comel [cantik] Sajat tu bukan semata-mata dengan produk dia. produk lain lagi tu,-- tapi kita melihat satu je kesan kita lah yang salah.

FU : Kalau kita taiplah nama prof dekat Google banyak artikel yang menyatakan prof ada terbitkan buku, Boleh prof kongsi sedikit tentang buku terbitan prof?

DN : Buku saya, banyak kategori nak mintak ulas kategori mana? Yang Fika nampak R tu kategori mana? Fika menjawab “secara ringkas”. Saya mula menulis buku bentuk fizikal, zaman dulu kan mana ada ebook. *Lately*, saya banyak menulis dalam *ebook*[buku elektronik] dan buku saya banyak jenis ada yang bersifat akademik, ada yang betul-betul *pure* akademik, ada yang betul-betul santai dan ada yang betul-betul di luar daripada subjek akademik *matters*[penting] saya ada jugak. --So, kalau yang akademik ni biasanya saya terbitkan dengan penerbit yang adaprestij sikit lah, macam TBP [Tabung Bantuan Perubatan] ataupun UTHM [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia] tapi *lately*, saya banyak menulis dalam *ebook*, sebab *ebook* tulisannya adalah ringan, bukan disebabkan kita ni sebab apa nak benda ni ringan. Memang lah-- sebab tulisan ringan ni dia tak perlu sakit

kepala, kita tulis ke apa yang kita ada, kita dah ada bahan ni kita tulis, sebab penulisan ini sebenarnya dia *release tension* [melepaskan tekanan] dan memberikan satu kepuasan bila ada orang baca dan orang boleh dapat manfaat *so that's why lately* saya banyak menulis *ebook*, dia ringan dia tidak padat, dia tidak perlu *reviewer* [pengulas] dia ada satu kepuasan kalau buku-buku yang sebelum ni banyak sangat *review* lah. Kalau contohlah satu buku saya buat --(sambil berfikir) yang tahun lepas diterbitkan buku 'Wanita Anggun' dengan UTHM yang tu pun ramai penulis juga lah, yang buku tu kita-- team saya start buat sebelum saya buat PhD sehingga lah habis PhD pun tak siap lagi buku tu. So, bayangkan lah memang buku fizikal dan menerbitkan dengan penerbit berprestij ni proses dia lama *main* dingdong[berubah-ubah], baiki nak itu nak ini. Tapi kalau *ebook*, kalau saya ada bahan hari ini esok dah boleh keluar, itu satu kepuasan dia panggil kepuasan berlainanlah, tetapi dari segi merit, mark, KPI universiti yang dia nak yang *hok* dulu (sambil menunjukkan tangan ke belakang) yang UITM apa, yang *ebook* ni tak kesah dia tak pandang pun malah dia lagi tak suka kalau dia tahu *lecturer* kita ni yang terlibat kan (sambil ketawa) tapi kita mesti ada minat tersendiri lah kita tak nak lah kita mati nak hasilkan buku sepuluh buah, sepuluh tahun tak keluarkan, *instead of* kita mati dah hasil dah buku-buku ni, untuk manfaat masa panjang pun dapat juga. *So* itu lah Fika yang saya boleh cerita buku saya banyak *genre* dan saya terbitkan dalam pelbagai medium ataupun platform dengan ada beberapa penerbit yang saya terbitkan lah.

FU : Prof macam mana kalau untuk mendapatkan buku terbitan prof ?

DN : Bergantung kepada buku apa nak tu? kalau buku *ebook just* masuk dalam
R *webstore*[kedai web] saya, saya ada masuk-- beli *web store* yang membolehkan
saya ni ada kedai buku *online* [atas talian], macam *shopee* lah, kita *park* [tempat]
buku kita dekat situ *so* masuk *website* beli jelah (membuat bunyi 'klik' sebanyak
tiga kali) macam *shopee* dia ada *cart*[troli] nya dia ada *pay*[bayar] nya dia ada--
direct link [pautan langsung] dengan bank-bank lah *online banking* [perbankan
atas talian] ke kredit kad ke boleh belaka, ataupun kalau malas nak buat *just
message* [hanya mesej] ataupun ikut *Facebook* ke apa ke boleh jugak saya boleh
tolong belikan prosesnya senang lah dalam *webstore* tu. Nama pun *webstore* kan
kita beli dia senang tapi kalau buku yang saya terbitkan secara fizikal tu yang tu
kalau macam UTHM yang awal-awal tu dia ada juga *ebook*, masuk dalam
penerbit UTHM dia ada lah *ebooknya*. *So* saya rasa boleh lah kot beli dengan
melalui *webstore* dia, ataupun kalau nak beli dengan saya hrumm (sambil tangan
ibu jari dan jari telunjuk letak di dagu) itu lah saya kan kalau-- itu masalah besar
that's why saya beli di *webstore* sebab saya dulu -- *loni* [sekarang] pun saya ada
terbitkan buku *and than* saya *print* [cetak] banyak-banyak sehingga kini *dok mai*
timbun begitu, saya adalah orang yang tak pandai menjual, saya tak pandai nak
iklan orang kalau orang nak ambil saya lah, merugikan banyak -- memang nak
beli serba salah *you imagine* lah buku harga nya dua puluh, dia tu kawan kita nak
beli baik saya bagi saja amik jelah kan sebab dia jarang-jarang sekali kita tak
terasa pun. Jadi saya memang orang yang tak pandai jual saya orang yang tak
pandai nak kempen iklan-iklan buku, *that's why* saya memilih untuk memiliki
webstore saya letak je situ orang nak beli saya tak sedar pun orang nak beli sedar-

sedar duit masuk *gitu* jelah saya tak perlu iklan saya tak perlu apa kadang-kadang saya post dekat FB [facebook] gitu je.

FU : Boleh saya tahu setakat ni berapa banyak dah kajian yang prof lahu kan

DN : Kalau ikot (sambil berfikir) saya rasa kajian, dia lain eh soalan kajian dengan
R soalan *publication* penerbitan dan satu lagi *grant*. Payah nak jawab ni sebab dia *confuse* [keliru] sikit (berfikir) okay untuk-- (sambil ketawa) okay jawapan mudahlah setakat ni hampir empat puluh lah *publication* / penerbitan saintifik yang telah diterbitkan dan dari segi *grant* sebab nak cakap pasal kajian tu payah *grant* yang saya penang atau yang saya *involve* [terbabit] (berfikir) hampir sepuluh kot ada *gran* kecil ada *gran* besar gitu lah.

FU : Research terbaru yang prof lakukan, yang paling latest

DN : Yang baru saya publish haritu dengan projek *doctorade student* saya, saya dah
R ada *grant* juga, *gran* RUI. Sebenarnya, *publication* bergantung jugak kepada *student that's why* kalau *you all* nak buat master ke apa ke kena istiqomahlah kena ada *intention* tinggi lah untuk terbit kesian dekat *supervisor* kan ramai ada *student* tapi tak mampu terbit tapi kita *as a supervisor*kan tapi tak apa bahagia jugak *student* lepas tapi dalam hati “ Ya Allah, student aku” tak terbitlah *stress* lah jugak. okay tak terbaru berkaitan-- panjang cerita nak jawab, berkaitan dengan *student doctorate in public health*, dia *student* yang aktif so projek dia projek on H-V-S ‘*HVS Hand amware vibration*’ yang ada kaitan dengan penyakit dari kesan getaran di kedai-kedai tayar, kedai tayarkan bila dia bukak tayarkan dia

menggunakan alat getaran tu *so* ada kesan *health risk*[risiko kesihatan] disitu *so*, buat kajian berkaitan dengan ‘*Hand and Arm Vibration Syndrome*’ H-A-V-S (HAVS) *so* projek tu kalau tak silap lima ke *publication* *so* memang *very good* lah *that student*. So yang last sekali tu saya yang *publish* sendiri lah *student* tu dah *grad* dua tahun lebih dah, baru *publish this year*.

FU : Untuk satu research tu berapa lama tempoh masa yang diperlukan untuk melengkapkan satu research tu. Lama ke prof?

DN : Dia bergantung kepada *skill* projek tu, dan bergantung juga kepada *student*, bagi R saya lah dia lain dia atas *lecturer* ni lain. Saya punya prinsip, *student first, myself* atau diri saya sendiri tu nombor dua, susah nak letak selari saya pon *first* dia pun *first* susah lah. Apa yang *first* tu? sebab *lecturer* ni dia ada KPI jugak kan institusi letakkan jugak macam saya, dia ada *requirement*[keperluan] saya kena *publish* berapa dalam jurnal apa, *so publication lecturer* pun dia bergantung pada *student* tetapi kalau saya nak letak *responsibility* [tanggungjawab] ataupun tanggung jawab ni berat atas *student*, *student* pun penat jugak, *so* kita-- yang paling penting *student* saya lebih *aim* untuk dia *graduate*, kena cukup syarat *graduate* dan kalau *student* tu *excellent*[cemerlang] boleh lah kita *push* [desak] untuk *publish for the benefits*[terbitkan untuk faedahnya] memang kita tidak nafikan untuk *student* pun ada *benefitnya*, tapi *student* ni tak nampak *benefits* tu yang nampak yang nak *graduate* je tapi untuk *as a lecturer*[sebagai pensyarah] *big*[besar] impak kalau ada *publication*. So ya, terlalu susah lah jadi sebab tu saya letak *student* dulu, *student first*, saya *second*. So how big the project [Jadi betapa besarnya projek itu] tu dia *depends on student*[bergantung pada pelajar] tu lah, *so* kalau *student* macam

contoh dia adalah *student* yang daftar dalam *Master in Public Health* [MPH] dia *one year* program. *So, one year* program dia dah ada *coursework* maknanya dia ada kelas kedua-dua semester ada kelas, so projek *research* dia ni adalah sub daripada *through out* daripada *learning one year*. *So*, kita tak boleh nak letakkan projek yang berskala besar, *so* skala dia kecil lah yang boleh disiapkan dalam tempoh enam hingga sembilan bulan tapi kalau lah dia tu projek *doctorate* contohnya dia tiga *years* program disini. Nak *doctorate* ni dia akan buat projek *research* untuk masuk tahun kedua dan ketiga, *so* dua tahun projek dia so bila projek dua tahun skala dia adalah skala sederhana lah yang akan melibatkan-- boleh melibatkan *gran* yang lagi bagus dan *quite intensive data collection* [pengumpulan data yang cukup intensif] apa semua. Kalau *student* tu *student PhD* MACL lagi lah besar skala dia yang tu besar lah macam saya tiga- empat tahun bergantung kepada jenis *student* dan ada *student* yang lagi singkat pun ada macam projek-projek CS-CS lagi lah sebulan siap.

FU : Dengan kesibukan kerja prof kajian menjalankan tugas sebagai seorang isteri prof juga bergiat aktif dengan NGO, Jadi boleh kami tahu program apa yang dijalankan oleh NGO tu?

DN : Untuk NGO ni dia *progress over time* [kemajuan dari masa ke masa] zaman era
R saya muda-muda dulu saya *contribute* [menyumbang] dalam bentuk lain sekarang ni dalam bentuk lain pulak tapi saya tak pernah *miss* [tertinggal] lah dalam NGO saya sebab bagi saya kerja-kerja yang saya buat macam sekarang ni pun ini adalah hakiki iaitu kalau saya panggil saya boleh katakan balasan yang saya terima

banyak yang saya terima dalam bentuk gaji, Allah dah bagi saya *cash*[tunai] gaji tapi kita memerlukan balasan yang (berfikir) *intangible* [tidak ketara] yang tak boleh dikira tetapi ada kesan jangka panjang. *So how to get it*[Jadi bagaimana untuk mendapatkannya], *so* melalui NGO lah satu lagi kita tak boleh buat kerja sendiri Ebit Lew nama je Ebit Lew dia ada NGO dia jugak. Saya terlibat dalam beberapa NGO mungkin Fika nampak tu PAPISMA kan saya terlibat juga, saya sebagai presiden Persatuan Pencegahan Tuberkulosis untuk negeri Kelantan, saya juga terlibat dalam Persatuan Stroke Kelantan dan di USM pun ada *a few* NGO tapi yang aktif nya dua lah. Dulu apa seronok, yang stroke tu saya bergiat aktif juga saya *slow down* [perlahankan] sebab saya tak mampu, sebab saya jadi presiden Persatuan TB ni penat sikit, dan yang kedua aktif dalam PAPISMA lah, saya terlibat dalam PAPISMA. *So*, macam mana-- apa yang saya boleh *contribute*, macam yang MAPTB dia lebih kepada inter *collaboration*[kerjasama] dengan KKM kita buat program dengan KKM dengan apa dalam bentuk *teamwork*[kerja berpasukan] *so* tidak ada lah sangat *specific contribution* [sumbangan khusus] secara individu dalam bentuk *team*[pasukan], tapi dalam NGO PAPISMA yang saya boleh buat, satu dia bergantung pada aktiviti, kalau sebelum PKP kita ada aktiviti secara berkala PAPISMA ni. Buat khidmat kesihatan *so* saya akan turun lah, bagi *volunteer* [sukarelawan] untuk nak check orang *prospect drug* yang kedua kita buat program-program ceramah *so* sebagai penceramah kita lah, ada juga program berkhatan *so* kita *assist*[menolong] lah dalam projek-projek berkhatan dan *any ad hoc and take activity* [aktiviti tak berstruktur], contohnya, yang terbaru ni isu Covid, vaksin *so* banyak sangat yang

peranan NGO yang perlu dimainkan macam contoh Covid yang terbaru ni untuk membuka banyak pusat-pusat vaksin secara masuk kampung, *so* kita melibatkan kita tolong cari orang kita tolong *promote* [mempromosikan] itu NGO belaka tu *so* dia *depends* kepada situasi dan suasana, yang penting ada yang betul-betul dia *take* dengan kepakaran kita, maknanya orang lain tak boleh nak buat maknanya profesionalisme ada satu yang betul-betul *volunteer* orang lain pun boleh buat tapi kita pun buat jugak, ada jugak.

FU : Adakah dengan menyertai NGO menjejaskan tugas prof sebagai seorang doktor dan pensyarah?

DN : Tidak sekali-kali malah terlibat dengan NGO dia sebenarnya memberi motivasi dan kita tidak merasa hidup kita ni dalam dunia kita, kita ada *inside* [dalam] nya kita tau luasnya dunia, kita ada tempat kita bersukaria. Kalau tak ada NGO *you* dengan kawan *you* jelah mungkin dengan Fatin je, Jom Fatin pergi makan, *stress* pun Fatin lah tu lah. NGO ni dia lain, satu NGO macam PAPISMA ada hubungan *connection* hati tau kita ada usrah, *family day* [hari keluarga], kita *join as a life member* memang *is very* unik, dia ada hubungan hati. *So* hidup ni kita macam-macam masalah roda lah atas bawah. atas bawah *dok* main guling *gitu* je. Saat *time* kita bawah kita *stress* kita banyak *member so* dalam NGO ni dia *develop bonding* [mengembangkan ikatan] yang terlalu kuat *so* kalau tak ada NGO. Kita hidup dalam dunia kita, kita rasa kita seronok, kita rasa kita *stress* sorang kita, *dok* guling sorang je, *no life*. Yang kedua bila tak ada NGO ni kan kita rasa -- (berfikir) kalau saya lah tak ada *value* [nilai] lah hidup maknanya kita tak boleh

contribute banyak memang orang kata ada duit kita sedekah lah memang lah yang tu tak dinafikan ada duit kita sedekah tapi kita nak buat kebaikan ni kita kena “*fastabiqul khairat*”, berlumba-lumba buat kebaikan bukannya selalu, bukannya sentiasa kita ada duit dan bukannya sentiasa ni kita ada duit banyak *sokmo* kadang-kadang kita ciput jugakkan *so* apalagi *contribution* lain yang kita boleh dan setiap orang ni Allah beri *skill* yang berbeza, kemahiran yang berbeza dan kebolehan yang berbeza, bukan sekadar duit mungkin saya pun ada duit lebih (tunjuk diri sendiri) saya memang tidak dapat dinafikan ada ilmu lebih dan saya ada kelebihan dari segi cakap,--contoh lah kan so banyak kelebihan yang Allah bagi so takkan kita nak guna untuk sorang kita (sambil tepuk diri) kalau sorang kita, kita guna tak ada *life dok*,-- masa cuti hujung tahun ke apa ke ke dengan *family* kita *up-up* dalam Facebook tu je pandai kita dan tu balik rumah pergi makan rumah mak kita ayah kita *up-up* dalam Facebook dengan *family, family* WhatsApp *it's so where is the life*[di sinilah kehidupannya]. *So*, NGO ni memang *life* kita rasa puas kita bantu orang kita rasa puas kita buat di luar *skop* kerja kita.

FU : Bagaimana prof bahagikan masa dengan NGO dengan kerja prof dekat rumah lagi macam mana prof bahagikan masa ?

DN : *Thats why* saya kata saya tak asa masa rehat sebenarnya (sambil berfikir).

R Cumanya, la ni bila kita dah berumur macam ni tuntutan atas rumah tangga sudah tak banyak dah, lagi pun anak- anak ada dekat rumah, anak-anak pun dah besar, makan pun tak pelik. Prinsip keluarga saya makan tu bukan satu keutamaan makan sekadar apa ada sebab (tangan di pipi) habiskan masa untuk siapkan

makanan ni membazir, tapi memang betul sangat, asyik nak masak, asyik nak masuk restoran tu nak fikir itu bukan satu keutamaan lah dalam prinsip hidup saya ada je masa --(berfikir) prinsip hidup saya *gini* saya tak menolak awal-awal apa-apa program, say akan jawab “ya” dulu (sambil mengangguk) itu prinsip saya. Bukan kata bila orang suruh buat *gini* cari lah alasan apa yang nak *masuk*[bagi], bukan *gitu*, so kita dah masuk awal-awal dah, kita dah tahu dah tempat mana slot yang kita boleh masuk. Okay satu lagi saya punya kerja, kebiasaan *norm* saya, saya akan selesaikan kerja hakiki pejabat saya di *office*, walaupun saya terpaksa balik pukul tujuh, pukul tujuh lah saya balik. Jarang-jarang sangat saya akan buat kerja dekat rumah pejabat. So, saya boleh *slot in* kerja-kerja NGO selepas tu. Begitu juga hujung minggu, hujung minggu biasanya saya dah tak kacau dah dengan kerja-kerja office, saya akan *slot in* yang NGO saya, dan ada juga NGO yang institusi saya ni memnag benarkan so kita boleh serentakkan waktu kerja.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D – PENCAPAIAN

FU : Dengan kejayaan yang diperolehi prof sekarang, boleh prof kongsi kepada kami pencapaian-pencapaian yang dianugerahkan kepada prof?

DNR : Saya tak adalah pencapaian banyak sangat *that's why* mungkin orang lain lebih layak patut untuk interview ni, tak ada sangat lah.-- Yang saya *share* tadi pencapaian sekolah rendah kan. memang tak adalah- masa saya kerja saya dapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah jugak kenangan masa kerja dengan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dapat sekali, masa kerja di USM dah dapt jadi dua kali lah dapat Anugerah Khidmat cemerlang, dan yang dengan kerajaan negeri tu lah saya dapat tokoh pendidikan.

FU : Prof sendiri menyertai banyak pertandingan, betul? Bagaimana prof pupuk semangat prof untuk sertai pertandingan tu ?

DNR : Pertandingan ni, bila kita bekerja (sambil berfikir) tuntutan kerja tu sendiri sebenarnya satu motivasi lah sebab bila kita menang mana-mana pertandingan akan memberi markah KPI[Key Performance Indicator] untuk *staff*[kakitangan] itu satu dorongan *especially* bila kita ada projek untuk kita pertandingkan. Kita ada projek, ada platform dan memberi *benefits* yang *direct* kepada kita masa kita masuk bertandinglah. Yang kedua, teamwork lah kalau cukup team-- sebab nak masuk pertandingan ni dia kena ada *teamwork* dan *teamwork* ni kena *um* [bagus] lah maknanya, kalau kita sorang yang buat kerja tak jadi (sambil tersenyum) so.. yang saya banyak masuk bertanding tu bila dalam *team* tu dia yang semangat lebih walaupun kita yang buat kerja lebih takpe dia semangat tu penting,

semangat jom kita buat ni, jom kita buat.. banyak semangat dia, dia jalan. Menang *teamwork* ni penting lah (sambil memanggil Fika) nak buat apa-apa cari *teamwork* yang *um*[bagus]. Okay so itu yang mendorong saya lah yang masuk pertandingan, sebab-sebab lain (berfikir) tak ada kot sebab penat masuk pertandingan ni (sambil ketawa).

FU : Setiap orang ada benchmark tersendiri untuk diri dia kita ada aimkan bagi prof adakah prof berhasrat untuk menambah kejayaan bagi pencapaian untuk diri prof, macam nak masuk bertanding lagi ke tak nak stop bertanding ke macam mana prof ?

DNR : Dalam *carrier* [kerjaya] pensyarah pertandingan tu bukan satu *pathway* yang perlu sangat lah untuk kemajuan kerjaya tak perlu sangat, *that's why* kita panggil apa (sambil berfikir) tak ada dalam (sambil menyentuh hidung) aktiviti tahunan pun bertanding sebab bukan *pathway of choice* untuk pensyarah (berdehem) kecuali kalau yang cakap tadi lah kalau kita ada *innovation* [inovasi]. *Innovation* yang hebat lah, *so why not* dah kita ada *innovation* kita masuk bertanding lah, so dapat lah anugerah tapi anugerah itu sendiri-- bukan memberi *mark* yang terlalu besar sangat impak dia. Sebagai kenaikan pangkat apa semua sebagai pensyarahlah. (ulang semula soalan mengenai benchmark) Tak ada tuntutan *that's why* sukar nak jawab tu. Dalam institusi PPSP ni yang di letakkan *benchmark* adalah *publication*. *Publication* dalam Q1, Q2 jurnal -- Pertandingan tu ialah memang bagus universiti suka tetapi bukan diletakkan satu *benchmark* yang perlu dicapai, yang dia letak adalah *publications* dan *grant*.

FU : Pada tahun 2018, prof dianugerahkan sebagai penerima Tokoh Saidatina Aishah Abu Bakar iaitu tokoh pendidikan boleh prof kongsi kepada kami perasaan prof semasa prof tahu yang prof menerima anugerah tokoh tersebut?

DNR : Ya lah, yang tu rezeki alhamdulillah, masya Allah. Yang tu memang rezekilah memang-- tak sangka pon saya layak, mungkin sebab orang lain tak *apply* lah kot orang tak isi borang boleh lah kot dekat saya (sambil ketawa). Cumanya bila ada rezeki mcm tu ialah-- saya ni saya tak pandai nak tunjuk seronok saya-- dia panggil orang yang dibesarkan dengan *survival* kan dia.. *you* faham lah, tapi apa yang saya buat-- ialah seronok tu memang seronok memang tak dinafilah, saya jemput *parents* saya, masa nak terima anugerah tu lah, kita cari baju yang satu tema, memang penatlah kita panggil apa mencari baju *round* pasar Tok Guru tu(sambil ketawa) cari dekat ayah, dekat mak, lepastu *family* dari Pasir Putih pun saya jemput semua datang sokongan itulah memang seronok kita bergambar apa semua -- saya walaupun apa-apa sekali pun walau masuk radio sekali pun saya akan sebut tempat asal saya *family* asal mana itu antara kaedah saya menyuarakan keseronokkan, saya tak pandai nak suarakan dengan *celebrate* apa itu bukan saya. Saya tak pernah sambut keseronokkan saya dengan makan di restoran ke sambut tu beli kek ke itu bukan kaedah saya. Saya kaedah klasik sambut keseronokkan *so that's*-- kita panggil apa, seronok tu memang seronok *so* saya tonjolkan melalui sambutan bersama *family-family* kesayangan saya.

FU : Tokoh ni macam saya cakap tadi macam prof cakap jugak dalam bidang pendidikan selain dari bidang tu adakah prof berminat untuk ceburi bidang lain, cuba nak dapatkan Tokoh usahawan pula nanti ?

DNR : Tak minat saya Fika, saya ni satu kelemahan besar kan saya berniaga, nak *kempen* [iklan] orang lah, saya paling tak pandai, saya memang paling tak pandai saya lebih mempunyai kemahiran *offer* diri, *sacrifice* lebih daripada *taking the benefits*, faham tak tu konsep saya. Kalau nak masuk usahawan ke itu satu lagi kelemahan saya tak pandai menjual, *berbussines* saya tak pandai apa-apa memang tak boleh.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E- SUMBANGAN

FU : Prof, tadi prof ada mention pasal PAPISMA, tadi prof ada cerita sedikit pasal sumbangan PAPISMA boleh prof terangkan lagi ?

DNR : PAPISMA ni adalah satu NGO [Non-Government Organization] lah memang NGO Pertubuhan Perubatan Ibnu Sina Malaysia. Ditubuhkan, tak silap tahun 2004, tak lama baru je cumanya dia punya *strength - the pure strength* [kekuatan yang asli] ni dalam PAPISMA ni anggotanya adalah profesional perubatan, okay satu special tu tak semestinya doktor lah. Okay yang kedua, PAPISMA ni dia wujud di seluruh negeri bukan kita panggil apa (berfikir) ahli tu ada tapi cawangan-cawangan maknya dia adalah NGO asing ada AGM tersendiri, ada organisasi sendiri. Yang ketiga, Mission/Vision kita adalah untuk pendidikan dan juga menyalurkan maklumat yang tepat dan betul secara profesional kepada masyarakat, tinggi vision kita. Okay yang seterusnya, PAPISMA ni dia ahli-ahlinya memang bukan sekadar profesional tetapi ada yang memang kategori *specialist* [kepakaran] , memang tinggilah *knowledge level* [tahap ilmu pengetahuan] . So, bukan sekadar *knowledge* tapi komitmen yang tinggi memang susah nak cari mana-mana persatuan yang komitmen tu memang tinggi sangat. Ambil contoh, kalau kita kata kita nak kumpul dana contoh nak kumpul dana RM10,000 dalam masa seminggu memang boleh, tu komitmen duit. Komitmen dari segi tenaga-- kata lah kita kata contoh sekarang ni project (sambil berfikir) vaksin contohnya-- okay so kita dapat lah kata putus PAPISMA perlu buat program ini, so siapa? kita letak je nama orang ni, orang ni akan buat. Okay dia perlukan berapa *human resource*[sumber manusia] masuk je boleh dia akan jalan

Insy Allah. *That's the strength of the* [kekuatan] PAPISMA dan yang paling penting PAPISMA dia ada tarbiah dia, maknya kita ada usrah bulanan,-- kita ada (sambil berfikir) slot-slot motivasi, okay itu dari segi *human resource* [sumber manusia] dan juga kesediaan ahli. Program-programnya-- sebab kita ada ahlinya ramai 1,000 lebih ke 3,000 seluruh dan kita ada *chapter*, PAPISMA *chapter* di universiti luar negara ada. Okay, program yang kita buat dalam PAPISMA tu semua pulak dia ada sub-sub *committee* dan juga ada sub-sub NGO pulak dalam tu. Kalau biasa tengok dalam internet ada DAKAP contohlah DAKAP [Dana Kemanusiaan PAPISMA] , ada WARAK[Exco Wanita Remaja dan Kanak-Kanak] ada *gapo*[apa] lagi banyak sangat. Dia tubuh pulak sub-sub dalam tu, dengan akaun sub-sub akaun masing-masing yang boleh bergerak secara *independen*. Okay, macam DAKAP (Dana Kemanusiaan PAPISMA) memang dia tu betul-betul fokus projek yang *hardcore* [berat], orang-orang susah, kita memang akan bagi duit ataupun bagi dalam bentuk *value* [bernilai]-- dia nak apa kita bagi contohnya kalau dia tak cukup motor memang perlu sangat kita akan buat *collection* [kumpulan] dana, sampai macam tu sekali kita buat dan ada satu lagi program yang kita buat berdasarkan projek so katakan lah-- tahun ni kita nak fokus lima projek besar contohlah projek besar tapi berskala sederhana. Contoh yang pertama kita nak *handle* isu *anti-vacc* so ada *group anti-vacc* lah kita akan wujud *group anti-vacc*, kita ada *group* pasal (sambil berfikir) - khitan perempuan yang ada *cyst*, ada bangkang supaya nak hapuskan apa semua, okay kita gerakkan so dia berdasarkan projek apa-apa. Okay yang seterusnya, kita ada projek jangka panjang even. Contohnya kita nak membina sebuah Hospital

PAPISMA yang ni kita dah beli tanah apa semua dah dekat dengan AEON Kota Bharu, dan even kita dah ada pun Hospital Gombak, Hospital bawah koperasi PAPISMA. Ha saya tak sebut lagi kita ada koperasi lagi untuk ahli-ahli PAPISMA, dan daripada koperasi ni kita bina Pusat Dialisis di Bachok, Pusat Dialisis Ar Rahman betul-betul di Beris Kubor Besar, Bachok-- Bila kita ada kita boleh buat khidmat banyak (menunjukkan banyak menggunakan gaya tangan) pesakit dialisis kita buat program percuma bacaan Al-Quran, kita bayar gaji percuma kita buat *collection* percuma. So begitu sekali, kita panggil apa *commitment* [komitmen], ketulusan, keikhlasan ahli-ahli PAPISMA ni untuk memberi *commitment*. Kita meletakkan PAPISMA ni, meletakkan islam yang pertama islam yang nombor satu nak buat apa ikhlas lillahi ta'ala demi masyarakat islam kita.

FU : PAPISMA ni semua orang boleh join atau orang-orang tertentu sahaja ?

DNR : Okay, mungkin soalan ni agak sensitif untuk didengar, bila saya menjawab (sambil ketawa) sebab keahliannya bersifat *exclusive*, maknanya bukan *inclusive*. Kalau *inclusive anybody* boleh masuk. So, dia ada kriteria-kriteria lah untuk nak *join that's why* bila kita *acap* [banyak kali] sukar dan susah nak jawab takut bila kita jawab yang menyoal tu takut terasa hati lah so agak--sebab begitu sekali *commitment* kan. So kita tak nak *commitment* kita orang masuk-- tapi dia tak faham. So bila kita buat kerja dia tak faham, so ia membebankan NGO kita lah. So dia memang bersifat *exclusive*, ada kriteria-kriterianya.

FU : Tadi sumbangan PAPISMA, boleh saya tahu sumbangan prof sendiri terhadap institusi tempat prof bekerja di PPSP lah ?

DNR : Mungkin tak ada sangat sumbangan saya (sambil ketawa). Di PPSP ni boleh dikatakan hampir semua pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) ni PPSP *especially* memang bagus-bagus belaka. Seinggakan bila kita nak letakkan *position* kan diri kita ni kan, kita jadi hampir serupa ataupun kita mungkin lebih rendah daripada orang lain sebab memang -- *above the par* [di luar jangkauan] belaka lah memang boleh nampak belaka lah-- memang boleh nampak lah kerja ni kerja gila-gila. Walaupun orang kata gaji doktor ni mahal, memang kita kerja ni lebih daripada *value* [nilai] yang dia bayar. *So pointnya*, saya tak tau lah sumbangan saya ni universiti nampak -- ataupun tidak sebab dia tak nampak tu sebab orang lain tu meyumbang *belaka bakali* [semua barang kali], jadi begitu jelah yang boleh dikatakan lah so apa sumbangan yang saya buat-- bila kita kerja kita ada kerja hakiki. Kerja hakiki ni lah yang apa nama kelas, *student*, buat *research* apa semua kan *and then* kita ada kerja tidak hakiki yang ni kot dalam bentuk subangan yang Fika tanya tu kot. So, sumbangan yang bukan kategori hakiki ni macam keterlibatan dalam NGO. NGO macam universiti ni dia memang melihat kakitangan dia dan memberikan-- ada markahnya kepada institusi bila kita terlibat dengan NGO. Begitu juga kerja-kerja kemasyarakatan tak semua staff suka kerja-kerja kemasyarakatan sebab dia *required* [memerlukan] masa kita dahlah sempit so itu antara jugak sumbangan saya lah sebab saya ni memang sehati sejiwa dalam NGO dan juga kerja kemasyarakatan- - dan adalah lagi kerja kerja yang tidak hakiki yang institusi bagi, so kita buat

jelah apa yang perlu tapi memang membebankan kita --adalah juga saya ambil beberapa tugas yang bukan hakiki tetapi masih dalam konteks kerja yang saya sumbangkan kepada universiti. (Tokoh *comment statement* fika) “ Dia macam tak semua orang nampak kebaikkkan kita, tapi kita kena tunjukkan sentiasa”. Betul yang tu saya nak comment sikit, prinsip macam tu bagi saya, saya amat menyokong lah, orang tak nampak apa kita buat tapi kalau kita tak tunjuk kita akan *suffer* [merana] dan kita akan di pandang. Dalam konteks kerja dunia sekarang ni, ada tempat tempat kita kena tunjuk kerja kita -- cumanya kita kena dengan lila ta’ala lah kita kena bersihkan atas dasar ego dan yang dua bukan atas dasar kita nak pijak orang lain, -- yang tu penting sangat kita kena jaga kalau kita nak tunjuk diri kita, kita tunjuk lah tapi kita tidak menidakkan orang lain, kalau kita nak naik, naik lah tapi jangan pijak orang lain. Yang itu prinsip yang penting sangat, -- cumanya nak angkat diri ke nak apa berpada-pada tapi kalau kita tak tonjol orang tak nampak sebab semua cemerlang belaka.

FU : Sekarang masyarakat sendiri, dia perlukan kesedaran yang tinggi tentang sesuatu perkara. Sebagai contoh yang kita bincang tadi Covid-19 kan. Sebagai seorang doktor bagaimana pendekatan yang dilakukan untuk meningkatkan kesedaran bahayanya Covid itu kepada masyarakat ?

DNR : Bagi saya-- sebenarnya saya dah status dalam bidang saya *as a public health specialist, So community is my target group*. Cumanya, ramai pun pensyarah-pensyarah-- yang tak ambil *port* pun, asyik cakap dalam WhatsApps je tapi tak *reach* pun *community*, yang tu nak buat macam mana kan(sambil tersenyum)

mungkin dia sibuk kan biasalah halangan masing-masing atau mungkin dia *commitment* dalam bentuk doa ke apa ke kita tak tau, ataupun sumbangan-sumbangan lain lah. Cumanya bagi saya, saya merasakan macam kita bincang tadi adalah dalam bentuk vaksin, contohnya vaksin kan memang lah *at the end* vaksin tetap akan dapat dilaksanakan. Namun kita sebolehnya kita nak cepat kalau lambat *effectnya* [kesan] lambat, ni kita boleh aspek dua tahun anak-anak, adik-adik kita tak sekolah, dua tahun family, rumah tangga tak cukup belanja sebab *affected* [terkesan] ekonomi. So, kita tak nak benda ni berpanjangan, kita tak nak benda ni lama, dan negara pun tak stabil dengan krisis politik yang masih berpanjangan sebab tak stabil so kita kena *end* dengan segera benda ni. So, untuk end dengan segera kita kena sama bantu,-- bantu tu banyak sangat *that's why* kalau kita *start* nak mengulurkan tangan membantu, kita baru tahu bahawa tak cukup tangan kita nak bantu tau. Masalahnya kalau kita tak bersedia nak bantu kita tak nampak. "Hurmm orang tak perlukan kita kot", biasanya macam tu lah kita tak start masuk kita tak tau, kita rasa "hurmm ramai dah orang buat saya nak buat apa pun tak ada kerja pun", tapi sebenarnya kita *start* je masuk ha memang banyak sangat. Sebagai contoh bila saya *start* buat ceramah berpuluh-puluh minta kita ceramah tak sempat kita nak *coup*. Begitu juga nak menulis, ni dah seminggu lebih dah saya tak sempat nak up apa-apa semua, tapi peranan kita memang penting sangat. Macam contoh apabila saya bercerita, saya berceramah, saya *volunture* [sukarela] and even dengan kerajaan negeri sendiri pun mereka akan panggil kita untuk buat program, untuk rangka program, untuk rangka kertas kerja, untuk rangka nak dapat dana,-- termasuklah macam contoh kita nak

buat(berfikir) pusat vaksinasi Covid ni, kan memerlukan ramai sukarelawan. So kalau kita tak bantu siapa boleh bantu nak harapkan orang lain sokmo[selalu] kita, kan orang lain bantu dapat 1,000 kita bantu dapat 1,100 kan bertambah. Okay itu dari segi vaksin, dari segi penyampaian maklumat-- maklumat daripada orang yang ada tittle doktor terutama kalau ada Prof Madya dekat depan tu sama kalau ada profesor lagilah kalau ada Dato' dekat depan *influence*[pengaruh] nya lagi tinggi so kenapa kita tidak menggunakan nikmat tersebut untuk *influenced* orang lain itu penting, sebab setiap nikmat-- macam saya cakap tadi lah “Bila Allah bagi nikmat kepada kita diakan datang dengan tanggungjawab”, so apa tanggungjawab saya sebagai seorang Profesor Madya, sebagai seorang Doktor, sebagai seorang pakar dalam bidang kesihatan Awam? kalau saya tidak membantu menyampaikan maklumat kalau tidak diaorang akan ambilah daripada maklumat sampah-sampah daripada Google, yang tu yang akan guna so pasti Allah akan tanya saya, dia begitu lah (sambil memanggil fika).

FU : Selalu doktor ni dia titik beratkan kesihatan, pemakanan kan, Adakah prof menitikberatkan pemakanan yang sihat dalam keluarga prof ?

DNR : Ya. Bercakap itu mudah praktis itu payah satu. Yang kedua, *that* namanya dunia bila kita nak buat sesuatu cabaran akan datang itu yang kita kena sematkan. Supaya Allah nak melihat sejauh mana orang ni kuat ataupun tidakkan-- So dalam nak menerapkan makanan sihat dalam rumah saya, -- kita buat dari segi pemakanan- *junk food*[makanan ringan] ataupun (sambil berfikir) *fast food*[makanan segera] atau *process food*[makanan proses]. Okay yang tu kita

kena *control*. Macam saya, saya *control*lah dari segi pemakanan semua tu tapi saya tidak 100 *percent*[peratus] *banned* [menyekat], kita tak boleh-- bagi saya itu prinsip ada orang dia boleh, saya tak boleh sebab saya ni jiwa keibuan tinggi sian dekat budak-budak dia nak makan. Macam maggi, saya bagi macam makanan korea tu ramen pun saya bagi kadang-kadang saya pergi rasa juga makan, tetapi dia punya *frequency*[kekerapan] tu lah macam ramen dua bulan sekali macam maggi ni kan sebulan sekali saya masak-- memang saya buat, cumanya ada disiplin makan dan dia tahu bahawa makanan ni makanan yang tidak sihat. So kita hanya makan- *celebrate* [meraikan] atau *time* malas sangat ke ataupun ada *time-time* tertentu, itu salah satu cara lah. Yang satu lagi macam makanan manis susu pekat apa semua kan kalau tengok saya pergi beli di Mydin, susu pekat saya selalu je beli sepuluh tin-- sebab saya suka beli banyak-banyak, tapi dari segi makan saya dah *limit* [had] dah kalau nak minum, makan manis satu kali sehari je minum manis, untuk budak-budak lah, saya memang tak sentuh langsunglah dia tahu, and then saya nyatakan. *So* kalau nak makan manis jangan makan dan buat manis samakan, kalau nak makan nasi tengah hari makan dah lah berat dah buat pulak air manis tak dibenarkan. *So* dia tahu, kalau dia buat air manis memang dia tahu lah, maknanya buat sekali ni tak boleh dah buat *karang-karang* [nanti-nanti], sekali je, dia kaedah macam tu saya tetap sebab saya tak *banned* [sekat]. Saya ni memang tinggi jiwa keibuan, saya tak boleh, anak tak boleh. Sayur satu perkara yang *challengelah* [cabaran] untuk nak pastikan anak-anak saya makan sayur *even* makan--(berfikir) ikan, ikan dia tak nak (sambil menggeleng dan mengerutkan muka menunjukkan tidak suka) tapi

saya masak untuk *husband*[suami], kita pujuk-pujuk begitu jelah dia tak nak makan nak buat macam mana kadang-kadang kita sorok jugak makan kan,-- dalam nasi goreng tu kita masuk-masukkan ikan itu tipu-tipulah, *so* dari segi penerapan tu macam kita *refuser* [menolak] maknanya “ohh dia tak suka tu” adalah *challenge* [cabaran] biasa bagi saya bagi mana-mana parents ataupun *family* yang memang ada anak-anak yang memang suka makan sayur, Ya Allah, syukurlah anda tapi tak semua family yang mang tu (sambil tersenyum)-- bagi *parents* atau *family* yang boleh *ban* 100 *percent*[petarus]-- macam tadi saya tak boleh nak *ban* makanan *process food* teruskan tapi saya tak *ban* saya akan benarkan juga saya benar. Satu lagi, bukan gaya saya makan di restoran, sebab saya terapkan makan di restoran ni bukan satu tempat makan yang selamat. Satu, dari segi *content* [kandungan]dia masuk entah apa-apa sebab dia *all* [semua] ni lebih kepada menitik beratkan makanan yang sedap. Jadi, saya hanya makan bila nak *celebrate* [raikan]tertentulah, nak hantar anak balik asrama, nak bawa balik asrama, kita *celebrate birthday* [sambutan ulang tahun]ke apa ke, baru lah kita makan di restoran ke apa ke. So itu lah kaedah dari segi makan. Masakan pun macam tu bila nak panas saya cerita lah maknanya , kena panaskan sekian, kalau lepas masak makanan tak habis kena terus simpan, *so* yang tu memang -- satu lagi kita kena terap lah untuk kebersihan. Kebersihan dapur, itu kena terap tu anak-anak maknanya kalau lepas kita makan apa kita basuh -- dapur kita *tip-top* bersih (sambil mengangkat tangan menunjukkan dari bawah ke atas) kalau tidakkan dia akan datang lah lipas, datanglah tikus macam mahluk mari yang tu boleh menyumbang kepada kebersihan makanan dan persekitaran kita. *So* kena

terap anak-anak, tak semestinya kita ibu-- kita dah tua dah, banyak kerja lain, saya kalau buat benda lagu tu tak boleh buat kerja NGO lah saya. *So* lepas makan (sambil ketawa) lepas masak kan, okay dah siap dah lepas ni tolong *kesat* [lap] lah, *kesat* tu pulak kita dah didik dah anak kita kain tuala ni *kesat* yang ini, yang ini *kesat* yang ini (pergerakan tangan kekanan dan kekiri) semua kan anak kecik-kecik pun nyapu (sambil menghayun tangan menunjukkan pergerakan menyapu) kalau bulan puasa tu siap dah ni lap meja, ni nyapu ni basuh pinggan ni apa (sambil mengerakkan tangan untuk menerangkan cara pembahagian tugas) kita siap makan duduk *rilek* (sambil menongkat dagu menerangkan sedang bersantai) *menung* [termenung] gitu *loni* [sekarang] sebab kita dah penat tolong masak takkan kita nak buat *everyrthing* [semua]. *So* yang tu lah penerapan kita mungkin kita boleh terapkan perkara yang sama, tapi dari segi penerimaan tu kita akan berbeza yang penting kita sebagai *parents* ni jangan cepat *frust* [kecewa] atau jangan rasa terkilan lah, kalau orang lain berjaya kita tak berjaya, sebab anak-anak kan. Satu lagi saya suka -- cakap terus terang kalau dia gemukkan “Gemuknya” saje cakap. Dia marah, saya tak kesah sebab kalau saya tak cakap, dia akan makan banyak (sambil ketawa) saya akan cakap “Eii, gemuknya. Ya Allah! tak malu ke? Lenggang-lenggang macam ni. Gemuknya” , nanti dia *control* sikit itu cara saya *control* lah. Saya sendiri pun dia kata gemuk lah (sambil ketawa) dah lama tak berHitFat.

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F - HARAPAN

FN : Apakah harapan Prof tentang masyarakat sekeliling?

DNR : Harapan terhadap masyarakat sekeliling... eh saya ada ready ke apa ke ni, masyarakat sekeliling ye (berfikir). Sekejap (mencari) hmm... kot kot ada dalam satu list dalam... Hurm, okey. Mungkin yang saya boleh *responnya* kepada - suasana semasa lah. Saya merasakan kita perlu menjadi masyarakat yang terus maju ke depan, bukan ketinggalan iaitu dengan mencari sumber-sumber maklumat yang ada *integriti* [kesahihan] (sambil tersenyum), yang sah dan juga khusus untuk kaum wanita dan kaum ibu, okay kaum wanita dan kaum ibu tolong pastikan dan bekalkan anak-anak dengan agama memang takde *benchmark* [penanda aras] agama tetapi kalau kita nak hantar anak-anak ke institusi *they all to be independent*[mereka semua boleh berdikari] dalam suasana luar ada agama kita senang, kalau tidak anak-anak buat kat belakang kita kita tak tahu. *So*, apa yang saya nak *repeat*[ulang] balik, yang pertama, kita masyarakat luar secara umum, perlu bersedia untuk maju membina tamadun dengan mendapatkan maklumat-maklumat yang sah yang *integriti*. Yang kedua, kita sebagai ibu, wanita bekalkan anak-anak sedapat mungkin dengan ilmu agama supaya anak-anak kita ada... apa kita panggil... terkawal bila kita lepaskan ke dunia luar. Haa.. dua perkara saya sebut tu (sambil tersenyum)

FN : Disebalik kejayaan dan sumbangan dari prof, apakah harapan yang tersemat di hati yang masih belum tercapai.

DNR : Hmm.. (pandang ke bawah) yang ni *dok* pikir pikir sebab banyak sangat harapan ni -- kita panggil apa, takut mati (tersenyum) mari dulukan haih yang mana satu (terkekeh) -- mungkin yang boleh saya sebutkan buat masa *la* ni yang saya harapkan ada dari anak saya yang enam ini, yang boleh urmm.. kita panggil apa -- terlibat dalam.. (berfikir sambil pandang ke atas) macam mana nak kata, saya mengharapkan akan ada yang (sambil ketawa) *anok*[anak] saya enam orang ni yang boleh meneruskan jihad ilmu ni, tak kesah lah dia sebagai --kita panggil apa .. pensyarah ke -- yang tu saya tak kesah, tapi yang paling penting jihad ilmu yang mempunyai manfaat besar kepada pembinaan tamadun masyarakat islam saya nak akan ade anak saya yang tu, yang boleh menyampaikan ilmu yang betul-betul sampai kepada masyarakat. Buat masa ni tak nampak lagi ni.. . Okay (terkekeh)

FN : Soalan yang terakhir sebelum kita menamatkan sesi temubual, boleh prof kongsi tips dan kata-kata hikmat kepada pelajar untuk jadi salah seorang tokoh Saidatina Aisyah yang hebat dalam bidang pendidikan macam prof?

DNR : nasihat untuk pelajar ya, betul *dak* [tak]?(terkekeh) Yang pertama, mungkin saya tidaklah sehebat mana kan? Kita kene ingat yang tu. Nasihat ni tak semestinya daripada orang yang hebat. (tersenyum) So, jangan disebabkan saya terasa hebat, nasihat ni keluar. Nasihat ni antara perkongsian daripada, dari sudut pengalaman

dan juga ibu, kan macam tu lah. Yang pertama, anak-anak remaja semua, terutama yang berada di institusi, yang Allah beri peluang. Menimba ilmu ni, kita kena timba ilmu yang lebih luas, jangan terlalu berfokus kepada apa yang kita belajar semata, yang kita belajar tu biasanya kita akan lulus. Tetapi dunia mahasiswa ini adalah -- (berfikir) lapangan yang akan mencorakkan kita apabila kita keluar daripada kampus, menara gading (tersenyum). Apa yang kita dapat itulah yang akan jadi bekal. *So, point* yang pertama yang saya kata, carilah ilmu seluas mungkin. Jangan fokus kepada apa kursus yang kita belajar. Itu yang pertama. Yang kedua, posisikan diri kita dalam *circle* yang positif. Hidup ni tak boleh lari daripada *up* dan *down*. Raja pon ada *down*nya, firaun pun ada *down*nya, orang susah ada *up* nya. So dia ada *up* and *down*. Jadi, posisikan diri awal-awal lagi dalam *circle* positif. So siapa itu *circle* positif. Bagi saya *circle* positif adalah ahli-ahli surau. Saya tak nampak *circle* positifnya orang-orang yang *glamour*[popular] apa semua *glamour* semata-mata tak nak. Ahli-ahli surau sebab *circle* positif ni yang akan meniupkan roh semangat kita, *so* carilah *circle* positif. setiap benda yang kita nak ia tak 'datang bergolek yang pipih datang melayang'. Kita kena cari. Cari *circle* positif. Dan terapkan dalam diri anak-anak kita *you all* semua, remaja (senyum) agar sentiasa hormati ibu bapa, adik-beradik. Adik-beradik kena hormat walau apa jua sekalipun. (tersenyum) Yang kita panggil apa... *kerat air ni takkan putus* [air yang dicincang takkan putus] itu adik-beradik. *And* saya pon selalu ulang dengan anak-anak saya, jangan *baloh* [bergaduh] adik-beradik. Yang kecil, hormat kakak dan abang, yang abang kakak sayangi adik-adik, itu konsep kita. *So*, hormati ibu bapa, hormati adik-beradik,

hormati guru, saya letakkan guru nombor tiga. Okay, dan juga jauhi *circle* negatif. Sebab apa saya sebutkan juga, sebab kita tak nak kita masuk *circle* positif, tapi *circle* negatif pon kita dekati *tokse* [taknak]sebab dia akan kacau biasanya yang negatif akan menang. Yang negatif akan menang (sambil mengangguk kepala) sebab dia menarik sangat hati kita. So, perlu ambil langkah awal, tak ada maknanya kita cemerlang, kita ceria sekejap, takde makna sebab hidup kita nak lama. (Pandang ke tepi) lepas nombor tiga, belajar untuk menyumbang. (Senyum) Sumbangan ni banyak kaedahnya, dan ramai orang dia tak nampak dia mampu menyumbang, padahal kita setiap kita ni ada kelebihan ada nikmat masing-masing hatta sebuah senyuman. -- macam Fika ni manisnya senyuman Ma syaa Allah ha macam Fatin ni kan manisnya senyum, - - so sumbang jelah apa yang ada walaupun senyuman. So belajar menyumbang. Okay. Bila kita letakkan satu konsep belajar menyumbang, bermakna kita tidak akan banyak mencari *excuse* [alasan] apabila sumbangan kita diperlukan (tersenyum), kita akan lebih *volunteer*. Okay. So, belajar menyumbang. Yang seterusnya, berebut untuk membuat kebajikan. *Fastabiqul Khairat* [berlumba-lumba dalam membuat kebaikan] itu adalah prinsip saya, sahabat-sahabat PAPISMA saya *Fastabiqul Khairat*, tidak ada, mengurangkan -- kita cuba mengurangkan sifat sifat-meletakkan beban kepada saudara (tersenyum) , saudara-saudara kita yang lain. So kita berlumba-lumba *Fastabiqul Khairat*, maknanya kita yang jealous bila dia yang buat lebih, - bukan mencari alasan. Ni, kalau bagi yang mende-mende kay, cepat je saya ada mende ni, kalau letak alasan tu cepat benar keluar [suka bagi alasan] kan biasa lah kan kita tengok... (buat

muka) saya ada ni, saya ada, cepat sangat, no no, tak boleh, jangan cari alasan. *And* yang last sekali, saya cuba nak sampaikan, (berdehem) setiap masalah jangan besarkan, tetapi kita besar-besarkan nikmat yang diberi walaupun nikmat tu kelihatan kecil. Saya ulang *deh*[ya] jangan besarkan masalah walaupun masalah itu besar, tetapi besar-besarkan nikmat walaupun nikmat itu kelihatan kecil. Okay. Contohnya, contoh *deh* [ya], kita ni pagi-pagi boleh je mak kita *gerakkan* [kejut] kita bangun (tersenyum), kalau tak dah terlepas dah kita subuh. Alhamdulillah, kalau kita nampak itu satu nikmat adanya ibunda kita kat rumah tolong kejutkan kita. Tapi kadang-kadang kita tak nampak, tapi kita nampak mak *dok mengepek* [berleter] kita, mak *dok maghoh* [marah-marah] kita, kita nampak yang tu, tu yang kita besarkan, mak benci aku, kakak aku benci aku (buat muka sambil berkerut dahi)/(merungut), tapi kita tak nampak apa *benefit* yang kecil-kecil (sambil tersenyum) yang kita rasa tu, padahal itu lah sebenarnya nikmat. Okay saya ulang, yang sebenarnya saya nak asuh diri saya sebab saya ni dah banyak menempuhi satu (berfikir)-- banyak gelombang lah dalam hidup (sambil tersenyum). *So*, saya terapkan prinsip ini dalam hidup saya, saya ulang yang last sekali. Jangan besarkan masalah walaupun masalah itu besar, tetapi besarkan nikmat walaupun nikmat itu kelihatan kecil. In syaa Allah hidup kita akan tenang, In syaa Allah hidup kita akan sentiasa termasuk dalam kalangan orang-orang yang bersyukur yang kita kena yakin kalau kita bersyukur (sambil tersenyum) pasti Allah akan tambah, tak perlu minta doa (sambil menggeleng kepala), “Ya Allah berikan aku kesabaran” sebab kalau kita minta doa jadi sabar, Allah akan beri lagi ujian kepada kita, kan *susoh*[susah], baik kita masuk

doa dalam golongan yang bersyukur, pasti Allah akan tambah nikmat dia. Tu
jelah saya rasa, panjang dah tu, kata-kata akhir *mende* [apa] pon tak tahu tu.

(Ketawa)

TAMAT BAHAGIAN F

Penutup

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Prof Madya Dr Nik Rosmawati Nik Husain. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh Prof dalam menyempurnakan wawancara yang sangat berilmu ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam perubatan kepada para penyelidik pada masa akan datang Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Profesor Madya Dr Nik Rosmawati Binti Nik Husain, yang dilahirkan pada 1972, di Kelantan. Temubual dijalankan di atas talian dia medium Google Meet, mengetahui serba sedikit tentang perkhidmatan beliau sebagai Doktor Pakar Perubatan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.00	Sesi memperkenalkan diri dan latar belakang projek diterangkan	Nur Fika Umairah Binti Boniyamin
1.12	Latar belakang ringkas mengenai tokoh	
3.12	Menceritakan mengenai apa yang di lakukan ketika waktu lapang	HitFat Membersihkan laman
4.01	Menceritakan mengenai prinsip yng di pegang	Bersyukur walaupun perkara yang kecil.
4.45	Menceritakan salasilah keluarga	Nik Husain Nik Ismail Nik Ismail Nik Abdul Rahman Nik Nah Nik Yah
7.22	Menceritakan mengenai pekerjaan ibu dan bapa	Petani
9.33	Menceritakan mengenai adik-beradik	8 adik-beradik

		Anak ke-4
11.27	Menceritakan mengenai gelaran/panggilan manja yang diberikan	Kak Nik Ummie
12.17	Menceritakan mengenai perkahwinan dan anak	
13.48	Menceritakan mengenai aktiviti yang dilakukan bersama anak-anak	Disiplin Penjagaan masa Tanggungjawab sesama ahli keluarga
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN		
17.24	Menceritakan pendidikan awal	Sekolah Rendah Kampong Sepulau Sekolah Menengah Gong Kedak Sekolah Menengah Sains Machang Sekolah Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani Universiti Sains Malaysia
18.36	Menceritakan mengenai subjek kegemaran semasa di sekolah	Pendidikan Islam Mathematik
19.55	Menceritakan mengenai penglibatan dalam sukan	4x100 meter Bola Jaring
21.08	Menceritakan pencapaian terbesar ketika di sekolah	Pelajar terbaik

23.23	Menceritikan mengenai kenangan manis di sekolah	Mengajar pelajar lain Kena raging
26.54	Menceritakan mengenai pendidikan di universiti	Universiti Sains Malaysia
27.06	Menceritakan mengapa memilih USM	Jauh daripada KL
30.39	Menceritakan mengenai tempoh pengajian	2 tahun matrik 5 tahun ijazah
31.16	Menceritakan mengenai pemilihan bidang perubatan	Cita-cita mak tokoh
33.58	Menceritakan mengenai penglibatan kelab dan persatuan	USM Kubang Kerian Clinical Attachment Fasilitator MPP
36.05	Menceritakan mengenai cabaran ketika belajar	Hafal Nota
38.06	Menceritakan tentang pendidikan tertinggi	Master dalam Public Health 4 tahun PhD
45.18	Menceritakan mengapa memilih bidang itu	Availability
48.06	Menceritakan mengenai jenis kajian	Melibatkan komuniti Berorientasikan penyakit
50.20	Menceritakan mengenai tempoh masa yang di ambil untuk mengambung doctor falsafah	2012-2017
51.39	Menceritakan mengenai cabaran semasa menjalankan kajian	Mengandung Morning Sickness

BAHAGIAN C: KERJAYA		
56.55	Menceritakan pengalaman awal kerjaya	Cikgu ganti di Kuala Krai Houseman Lecturer
1.06.53	Menceritakan mengenai tesis Mikrobiologi makanan dan pemakanan	Food safety
1.09.22	Menceritakan tentang gaya hidup sihat	Chef Google Doktor Google
1.11.24	Menceritakan mengenai gabungan makanan	Tidak ada toksik Makanan beracun Makanan yang tercemar Toksik dalam makanan Layman
1.14.00	Menceritalan mengenai ubatan kampung	Derivative Ubat pelengkap Rawatan pilihan Kawalan farmaseutikal Steroid
1.23.12	Menceritakan mengenai mulanya menjadi doctor pakar	Master in MedSc Public Health 2001-2005
1.27.48	Mencertiakan mengenai vaksin	Non-Communicable Disease Infectious Disease Lepto Typhoid HIV Corona virus Antibiotik Ribonucleic Acid

		Penetrik herpes zoster
1.38.21	Menceritakan tentang anti vaksin	BCG Chicken pox Limfa
1.49.28	Menceritakan mengenai minuman kurus	Dehydrate Medical line Lulus ataupun tidak Laman web untuk kita check Testimoni is not an evidence
1.59.06	Menceritakan mengenai buku terbitan tokoh	Akademik Tabung Bantuan Perubatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Luar akademik ebook
2.02.43	Menceritakan platform penjualan buku	Webstore Shopee Facebook
2.05.12	Menceritakan mengenai kajian yang tokoh lakukan	40 penerbitan Projek doctorade student HVS Hand aware vibration Hand and Arm Vibration Syndrome
2.08.29	Menceritakan mengenai tempoh masa kajian akan disiapkan	Skill projek Student Master in Public Health

		1 tahun Skala kecil 6 -9 bulan Skala sederhana 2-3 tahun PhD MACL 3-4tahun
2.12.04	Menceritakan mengenai penglibatan tokoh dengn NGO	PAPISMA Persatuan Pencegahan Tuberkulosis Persatuan Stroke Kelantan MAPTB
BAHAGIAN D: PENCAPAIAN		
2.21.50	Menceritakan mengenai pencapaian yg di anugerahkan kepada tokoh	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tokoh pendidikan
2.22.49	Menceritakan mengenai peyertaan tokoh dalam pertandingan	KPI Teamwork
2.24.37	Mencertitakan mengenai benchmark tokoh	Pathway of choice PPSP Publication
BAHAGIAN E: SUMBANGAN		
2.31.12	Menceritakan mengenai sumbangan PAPISMA	Pertubuhan Perubatan Ibnu Sina Malaysia Profesional perubatan Specialist Dana Kemanusiaan PAPISMA

		Exco Wanita Remaja dan Kanak-Kanak Hospital PAPISMA AEON Kota Bharu Koperasi PAPISMA Pusat Dialisis
2.37.02	Menceritakan mengenai penyertaan PAPISMA	Exclusive
2.46.56	Menceritakan mengenai pemakanan yang sihat	Makanan ringan Makanan segera Makanan proses
BAHAGIAN F: HARAPAN		
2.53.46	Menceritakan harapan tokoh terhadap masyarakat	Maju ke depan Ilmu agama
2.55.43	Menceritakan pencapaian yang masih belum tercapai	Jihad ilmu
2.57.23	Menceritakan tips untuk mahasiswa	Carilah ilmu seluas mungkin Circle yang positif Hormat menghormati Jauhi circle negatif

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12.26pm – 10.08pm	15/4/2021	<u>Perbincangan mencari Tokoh</u> Mencari tokoh yang menepati kriteria yang telah di tetapkan oleh pensyarah.	Menulis abstark mengenai tokoh yang dipilih.
10.51AM	19/4/2021	Tokoh pertama yang dipilih ditolak oleh pensyarah kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan	Mencari tokoh yang lain. Menyediakan maklumat tentang tokoh tersebut.
10.57 AM – 12.54 PM	19/4/2021	<u>Perbicangan mencari tokoh yang kedua</u>	Menulis abstark untuk tokoh yang kedua.
11.42AM	23/4/2021	<u>Penghantaran abstrak Kedua</u>	Menghantar abstrak yang kedua ke dalam Google Classrom
4.12PM	26/4/2021	<u>Maklum balas abstrak yang kedua</u>	Abstrak yang kedua telah diluluskan.
11.54PM	6/5/2021	<u>Menyediakan Proposal</u>	Mencari maklumat awal tokoh dan membuat kajian awal mengenai tokoh
11.59PM	20/5/2021	<u>Membuat senarai soalan</u> Senarai soalan di buat untuk memudahkan proses temubual di lakukan	Memberi salinan senarai soalan kepada tokoh untuk melihat soalan-soalan yang bakal di tanya.

2.11 PM	8/6/2021	<p><u>Menghubungi tokoh untuk membuat temujanji dengan tokoh</u></p> <p>Menghubungi tokoh untuk kali pertama, dan menerangkan mengenai temubual yang bakal di lakukan.</p>	Menghubungi tokoh untuk kepastian tarikh dan juga masa.
12.23PM	14/6/2021	<p><u>Membuat temujanji yang kedua</u></p> <p>Menghubungi tokoh untuk membuat kepastian mengenai tarikh, masa dan juga soalan-soalan yang bakal di tanya semasa sesi temubual dilakukan.</p>	Menghubungi tokoh untuk kepastian dan tokoh setuju untuk ditemubual pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
2.30 PM – 5.30 PM	16/6/2021	<p><u>Sesi temubual berlangsung</u></p> <p>Sesi temubual bersama tokoh berlangsung pada 16/6/2021 (Rabu), 2.30pm di platform Google Meet.</p>	Tarikh, Masa dan tempat telah di persetujui oleh tokoh.

SENARAI SOALAN

SEBELUM TEMUBUAL

BAHAGIAN A - LATAR BELAKANG

Untuk memulakan sesi temubual,

1. Boleh Prof ceritakan serba sedikit tentang diri Prof
 - nama penuh prof?
 - Tarikh lahir prof?
 - Berapakah umur prof?
 - Dimanakah prof dilahirkan?
 - Dimanakah prof menetap?
2. Ketika waktu lapang, boleh saya tahu apa hobi yang prof lakukan?
3. Boleh kongsi kepada kami “kata-kata” yang di pegang oleh prof?

LATAR BELAKANG – KELUARGA

1. Seterusnya, Boleh prof ceritakan salasilah keluarga prof?
 - Apakah nama ibu dan ayah prof?
 - Apakah pekerjaan mereka?
 - Prof mempunyai beradik beradik?
2. Apakah gelaran yang diberikan oleh keluarga kepada prof?

LATAR BELAKANG - PASANGAN DAN ANAK-ANAK

1. Seperti sedia maklum prof telah berkahwin, berapa lama tempoh perkawinan prof?
 - Prof mempunyai berapa orang cahaya mata?
 - Berapakah umur anak prof?
 - Adakah anak-anak prof semua masih belajar?
 - Dimanakah mereka belajar?
2. Apakah aktiviti prof Bersama anak- anak Ketika mereka cuti dan ada dirumah?

BAHAGIAN B- SEJARAH PENDIDIKAN – AWAL

Setelah selesai kita mengenali tentang peribadi prof dan keluarga prof,

1. Boleh prof ceritakan kepada kami serba sedikit tentang Pendidikan awal prof?
 - Sekolah rendah
 - Sekolah menengah
2. Apakah subjek kegemaran prof ketika disekolah?
 - Kenapa prof suka subjek itu?
3. Sewaktu di alam persekolahan, adakah prof seorang yang aktif sukan?
 - Sukan apa yang prof aktif pada waktu itu?
4. Boleh prof kongsi dengan kami, pencapaian terbesar prof Ketika di sekolah?
5. Apakah sumbangan prof terhadap sekolah yang mampu menaikkan nama sekolah?
6. Apakah kenangan paling manis prof saat di sekolah yang masih di ingati sehingga kini?

SEJARAH PENDIDIKAN – UNIVERSITI

1. Setelah tamat pengajian diperingkat sekolah, kemanakah prof melanjutkan pengajian?
2. Kenapa prof memilih university tersebut?
 - Apakah sebab yang mendorong prof memilih university tersebut?
3. Berapakah tempoh pengajian prof?
4. Program apa yang telah dipilih oleh prof?
5. Dalam banyak- banyak program, Kenapa Prof memilih untuk menyambung dalam bidang perubatan?
6. Bidang perubatan seperti sedia maklum amatlah susah, apakah sebab yang mendorong prof lebih memilih program tersebut?
7. Bagaimana prof bahagikan masa ketika belajar?
8. Ketika di universiti , adakah prof aktif dengan kelab dan persatuan?
9. Dalam tempoh pembelajaran prof di university tersebut, adakah pernah ada perasaan untuk berhenti belajar?
10. Jika ada, kenapa?

11. Apakah cabaran yang paling besar yang prof hadapi ketika membuat ijazah ketika itu?

SEJARAH PENDIDIKAN – TERTINGGI

1. Seterusnya, apakah yang membuatkan prof untuk sambung belajar ke peringkat yang lebih tinggi sehingga peringkat Phd?
2. Kenapa prof memilih university yang sama untuk melanjutkan pelajaran dalam peringkat yang seterusnya?
3. Kenapa prof memilih untuk membuat Phd dalam bidang Mikrobiologi makanan dan Pemakanan?
4. Bagaimana jenis kajian yang prof lakukan?
5. Berapa lama tempoh pengajian prof?
6. Berapa lama prof amik masa untuk sambung Doktor Falsafah setelah tamat peringkat Sarjana?
7. Apakah cabaran yang paling sukar ketika prof menjalankan kajian di peringkat Doktor falsafah?

BAHAGIAN C - PENGALAMAN KERJAYA

Baiklah, kita teruskan lagi dengan soalan yang seterusnya, setiap orang akan mempunyai pengalaman kerjaya yang berbeza

1. Bolehkah prof ceritakan pengalaman awal kerjaya prof?
2. Pada umur berapakah prof mula bekerja?
3. Apakah pekerjaan pertama prof?
4. Bagaimana prof mendapat perkerjaan tersebut?
5. Bagaimana boleh menceburkan diri dalam kerjaya tersebut?
6. Setelah habis Ijazah, Pada tahun berapakah prof mula buat housemanship?
7. Hospital manakah yang prof bertugas ketika buat housemanship?
8. Setelah selesai housemanship, hospital manakah yang prof bertugas?
9. Demi tugas yang digalas sebagai seorang doktor
 - a. Kejayaan tertinggi yang dicapai?
 - b. Cabaran paling besar yang dihadapi ketika kerja?

10. Sebelum kita pergi lebih jauh, boleh prof terangkan kepada kami apa itu sebenarnya bidang mikrobiologi makanan dan pemakanan?
11. Pada pendapat prof, kenapa perlu wujudnya ahli yang pakar dalam bidang ini?
12. Jadikan prof, prof lebih focus dalam bidang perubatan yang lebih kepada merawat pesakit atau prof hanya focus dalam bidang prof?
13. Okay prof, soalan saya seterusnya berkait dengan orang yang nak mengamalkan gaya hidup sihat , adakah cara- cara yang dikongsikan oleh di internet itu boleh diguna pakai?
14. Adakah gabungan makanan seperti susu dan daging boleh menyebabkan makanan bertoksik. Betul ke prof?
15. Boleh prof terangkan apa itu sebenarnya makanan bertoksik dan apa kesannya kepada badan manusia?
 - Kesan baik dan kesan buruk
16. Baik prof, saya ada sedikit kemusykilan tentang ubat ubatan kampung seperti herba, akar kayu dan sebagainya. Boleh ke kita ikhtiar dengan ubat ubatan kampung tanpa perlu makan ubat dari hospital?
17. Adakah ada kesan sampingan terhadap individu itu?
18. Adakah kajian yang menyatakan kesan ubat herba tersebut?
19. Sesetengah masyarakat mengatakan bahawa kalua makan ubat herba tak boleh makan ubat hospital? Adakah benar atau sekadar mitos?
20. Seterusnya prof bagaimana dengan makanan sunnah seperti habatussauda, kurma dan zaitun.adakah pengambilannya bagus atau tidak boleh secara berlebihan?

Terima kasih atas pencerahan prof.Seterusnya,

21. Pada tahun 2008, prof menjadi pensyarah kepada pelajar-pelajar yang sedang membuat pengajian dalam bidang kedokteran, pada tahun berapa pula prof di ikhtiraf sebagai doktor pakar?
22. Adakah untuk menjadi doktor dalam masa yang sama menjadi pensyarah itu memberi satu tekanan kepada diri prof?
23. Okay prof, kita sentuh sedikit tentang isu semasa iaitu covid-19, adakah prof berkhidmat sebagai frontliner yang merawat pesakit – pesakit ini?
24. Sebagai seorang doktor pakar, Apa pandangan prof tentang isu covid-19 ini?

- Mengapa ada golongan yang menyatakan isu covid-19 ini hanya rekaan semata-mata?
25. Kalau cakap soal covid-19 orang akan kaitkan dengan vaksin. Jadi alang- alang dapat peluang bercakap dengan doktor pakar, boleh prof terangkan seberapa pentingkah vaksin itu terhadap manusia?
- Adakah vaksin untuk seseorang itu mampu melawan covid atau mampu mencegah covid dari dijangkiti? Mohon pencerahan prof.
 - Bagaimana pula dengan golongan anti-vacc prof?
 - Pada pandangan prof sendiri, bagaiman golongan ini boleh wujud?

Memang takkan habis jika kita bahas soal covid dan vaksin ini kan prof, jadi kita berbalik kepada bidang prof tadi iaitu Mikrobiologi makanan dan pemakanan.

26. Sekarang prof, terlalu banyak produk-produk yang timbul seperti minuman kurus, susu putih, dan sebagainya lah. Apa pendapat prof tentang produk-produk tersebut? Adakah termasuk dalam skop bidang kepakaran prof?
27. Tapi kan prof, produk-produk ini ada yang menyatakan telah mendapat kelulusan KKM, jadi mereka berani untuk menjualnya. Jika terdapat kemudahan dalam produk tersebut, kenapa ia mendapat kelulusan KKM?
28. Adakah prof ada buat kajian tentang produk-produk terbabit?
29. Adakah produk ini betul- betul berkesan untuk setiap penggunaannya? Atau menjadi rekaan penjualnya sahaja?

Okay baiklah terima kasih atas pencerahan prof terhadap isu itu,

Seterusnya jika kita taip nama Prof dekat Google memang akan keluar banyak artikel menyatakan prof ada terbitkan buku.

30. Boleh prof kongsi sedikit dengan kami tentang buku terbitan prof itu?
31. Kalau yang ingin mendapatkan buku itu bukan dari kalangan pelajar prof, bagaimana cara untuk mendapatkannya?
32. Berapa banyakkah kajian yang telah dibuat oleh prof?
33. Adakah kajian yang dibuat hanya dalam skop kepakaran prof sendiri atau secara menyeluruh?

34. Boleh prof ceritakan kepada kami, ringkasan kajian yang telah dibuat oleh prof?
35. Apakah kajian terbaru prof?
36. Kenapa prof memilih topik itu untuk membuat kajian?
37. Berapa lama masa yang di ambil untuk lengkapkan satu kajian itu?
38. Pada cadangan prof, kajian apa lagi yang prof ingin untuk lakukan?

Dengan kesibukan kerja, kajian dan menjalankan tugas sebagai isteri, prof juga bergiat aktif dengan NGO. Betulkan prof?

39. Jadi boleh kami tahu program apa yang dijalankan oleh NGO itu?
40. Adakah program yang dijalankan berkaitan dengan bidang perubatan atau dengan bidang pemakanan?
41. Bagaimana prof boleh bergiat aktif dan menyertai mereka?
42. Adakah dengan menyertai NGO akan menjejaskan tugas prof sebagai doktor?
43. Bagaimana prof bahagikan masa prof untuk menyelesaikan semua tanpa ada yang tertangguh?
44. Selain dari kerjaya prof sebagai seorang doktor, pensyarah dan libatkan diri dengan program NGO. Adakah prof ada terlibat dengan program dari institusi lain?

Terima kasih atas pencerahan prof. kita akan ke bahagian seterusnya,

BAHAGIAN D – PENCAPAIAN

1. Dengan kejayaan yang diperolehi prof sekarang, Boleh prof kongsi kepada kami antara pencapaian – pencapaian yang dianugerahkan kepada prof?
2. Prof sendiri menyertai banyak pertandingan seperti
 - National Conference on Medical Science
 - National Conference on Medical and Health Science
 Bagaimana prof pupuk semangat prof untuk sertai pertandingan tersebut?
3. Setiap orang mempunyai *benchmark* tersendiri untuk dirinya, bagi prof pula, adakah berhasrat menambah kejayaan bagi pencapaian untuk diri prof?
 - Pertandingan berkonsepkan apa yang prof ingin ceburi?

4. Pada tahun 2018, prof telah anugerahkan sebagai penerima anugerah Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar, Boleh prof kongsi dengan kami perasaan prof semasa prof tahu bahawa prof akan menerima anugerah tokoh tersebut?
5. Tokoh Sayyidatina Aisyah Abu Bakar itu sendiri adalah menghargai usaha dan kejayaan seseorang dalam bidang Pendidikan, bidang apa lagi yang prof berminat untuk ceburi?
 - Seperti, tokoh usahawan

Tahniah saya ucapkan atas pencapaian-pencapaian yang di perolehi oleh prof. Doakan kami jadi sehebat prof. Kita akan ke bahagian yang seterusnya

BAHAGIAN E – SUMBANGAN

1. Saya ada terbaca tentang Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), boleh prof kongsi dengan kami?
2. Apakah antara sumbangan yang dilakukan dari Pertubuhan ini?
3. Bagi prof sendiri ,apakah sumbangan terbesar yang pernah prof sumbangkan kepada institusi tempat prof bekerja?
4. Sekarang masyarakat perlukan kesedaran yang tinggi tentang sesuatu perkara seperti contoh yang kita bincangkan tadi iaitu covid 19, sebagai seorang doktor, bagaimana pendekatan yang di dilakukan bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat?
5. Sebagai seorang doktor yang pakar dalam bidang pemakanan, adakah prof menitik beratkan pemakanan yang sihat dalam kalangan keluarga prof?
6. Dengan makanan segera yang begitu banyak pada masa kini, bagaimana prof mempraktikkan kepada keluarga prof?
7. Di Malaysia sangat tinggi dengan kes obesiti, Bagaimana kaedah yang digunakan prof untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan pesakit-pesakit prof sendiri?
8. Apakah strategi yang prof gunakan bagi penurunan kes di Malaysia?

Terima kasih atas sumbangan yang diberikan kepada masyarakat. Sangat bermakna setiap jasa-jasa yang disumbangkan oleh prof. Kita ke bahagian yang terakhir,

BAHAGIAN F - HARAPAN

1. Apakah harapan Prof terhadap masyarakat sekeliling?
2. Disebalik kejayaan dan sumbangan dari prof, Apakah harapan yang tersemat dihati yang masih belum tercapai?
3. Soalan yang terakhir sebelum kita menamatkan sesi temubual, Boleh prof kongsi Tips dan kata-kata hikmat kepada pelajar macam kami untuk jadi salah seorang tokoh sayyisatina aisyah yang hebat dalam bidang Pendidikan macam prof?

SEMASA TEMUBUAL

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Boleh prof cerita serba sedikit tentang diri prof?
2. Ketika waktu lapang boleh saya tahu apa hobi yang prof lakukan ?
3. Boleh prof kongsi kepada kami kata-kata yang dipegang oleh prof? maksudnya macam prinsip prof.

LATAR BELAKANG – KELUARGA

1. Boleh prof ceritakan salasilah keluarga prof?
2. Apakah pekerjaan ibu dan ayah prof ?
3. Berapa ramaikah adik beradik prof ?
4. Apakah gelaran yang diberikan oleh keluarga kepada prof ?

LATAR BELAKANG – PASANGAN DAN ANAK-ANAK

1. Berapa lama tempoh perkahwinan prof ?
2. Prof mempunyai berapa orang cahaya mata?
3. Prof mempunyai berapa orang cahaya mata?
4. Berapakah umur anak-anak prof?
5. Adakah anak-anak prof semuanya masih belajar ?
6. Apakah aktiviti prof bersama anak-anak ketika mereka cuti dan ada dirumah?
- 7.

BAHAGIAN B : SEJARAH PENDIDIKAN - AWAL

1. Boleh prof ceritakan kepada kami serba sedikit tentang Pendidikan awal prof ?
2. Apakah subjek kegemaran prof ketika di sekolah ?
3. Sewaktu di alam persekolahan, adakah prof seorang yang aktif bersukan ?
4. Boleh prof kongsi dengan kami, pencapaian terbesar prof ketika di sekolah?

5. Selain daripada pelajar terbaik, adakah prof memberi sumbangan lain untuk menaikkan nama sekolah?
6. Apakah kenangan paling manis prof saat di sekolah yang masih diingati sehingga kini ?

SEJARAH PENDIDIKAN – UNIVERSITI

1. Setelah tamat pengajian di peringkat sekolah kemanakah prof melanjutkan pengajian ?
2. Kenapa prof memilih Universiti tersebut ?
3. Berapakah tempoh pengajian prof?
4. Dalam banyak-banyak program, Kenapa prof memilih untuk menyambung dalam bidang perubatan?
5. Bagaimana Prof bahagikan masa ketika belajar ?
6. Ketika di universiti, adakah prof aktif dengan kelab dan persatuan ?
7. Dalam tempoh pembelajaran prof di universiti tersebut, adakah pernah ada perasaan untuk berhenti belajar?
8. Apakah cabaran yang paling besar yang prof haapi ketika membuat ijazah ketika itu?

SEJARAH PENDIDIKAN - TERTINGGI

1. Seterusnya apakah yang membuatkan prof untuk sambung belajar ke peringkat yang lebih tinggi sehingga peringkat Phd?
2. Kenapa prof memilih untuk sambung pada universiti yang sama?
3. Seperti yang kita tahu, prof adalah dalam bidang Mikrobiologi makanan dan pemakanan, jadi kenapa prof memilih untuk membuat PhD dalam bidang tersebut?
4. Bolehkah kami tahu, jenis kajian yang prof lakukan?
5. Berapa lama prof ambil masa untuk prof sambung doktor falsafah setelah tamat peringkat sarjana?
6. Apakah cabaran yang paling sukar ketika prof menjalankan kajian di peringkat Doktor falsafah ?

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA

1. Mungkin prof mula bekerja selepas SPM ke, pernah bekerja waktu sekolah ?
2. Bagi prof kenapa perlu wujudnya ahli yang pakar dalam bidang ni ?
3. adakah cara-cara yang di kongsi di internet boleh di guna pakai atau hanya-- tak berapa betul sangat cara perkongsian di internet itu ?
4. Saya nak tanya makanan-- ni berkaitan yang lain lah Gabungan makanan macam contoh susu dengan daging, ni saya baca dekat internet juga, susu dengan daging dia boleh menyebabkan makanan bertoksik betul ke prof?
5. *Terms* makan bertoksik tu wujud ke tidak sebenarnya?
6. Bolehkan kita ikhtiar untuk makan ubat- ubatan kampung tanpa perlu makan ubat hospital, bagi pandangan prof sendiri ?
7. Sesetengah masyarakat mengatakan, kalau kita makan ubat herba akar kayu, kita tak makan hospital sekali gus. Adakah benar atau sekadar mitos?
8. Pada tahun 2008, prof dah menjadi pensyarah kepada pelajar-pelajar yang sedang membuat pengajian dalam bidang kedokteran, okay boleh saya tahu pada tahun berapa prof mula menjadi doktor pakar?
9. Semasa prof menjadi pensyarah, adakah dalam masa yang sama prof menjadi doktor yang merawat orang tu atau fokus sebagai pensyarah sahaja?
10. Okay kita nak sentuh sikit tentang isu semasa, Covid-19. Pada pandangan prof, mengapa ada golongan yang mengatakan isu covid-19 ni rekaan semata-mata?
11. Kalau kita cakap pasal covid19, akan dikaitkan dengan vaksin. Alang-alang dapat cakap dengan Doktor, Boleh prof terangkan seberapa pentingkah vaksin itu kepada manusia? Adakah vaksin itu mampu covid ataupun mencegah covid itu dari dijangkiti?
12. Macam mana dengan golongan yang anti vaksin? Macam mana boleh wujudnya golongan ini? pada pandangan prof?
13. Kita ke soalan yang seterusnya, sekarang terlalu banyak produk-produk yang timbul seperti minuman kurus, susu putih dan sebagainya lah. Pada pendapat prof , adakah kajian yang dibuat tentang produk-produk ni? Untuk prof minum produk kurus tu memang tak kan. Untuk percaya content suatu product tu memang susah. Jadi, Apa pandangan prof tentang produk- produk ni?

14. Susu- susu putih tu macam mana prof?
15. Dia kalau minum susu tu, banyak la sekarang produk- produk yang susu jadi putih gebu je kulit. Kalau ibu menyusu jadi banyak susu. Tapi produk-produk ni prof ada yang claim kelulusan KKM. Jadi kalaulah ada side effect, kesan sampingan, kemudaratan lah dalam produk tu, Macam mana boleh dapat kelulusan KKM? Adakah kelulusan itu betul atau tipu sahaja?
16. Sebab masyarakat sendiri, dia akan terpengaruh tu dengan lulusan KKM. Bagi nombor NOT tu , produk ni okay
17. Kalau yang dah minum, testimoni-testimoni mengatakan , saya minum produk ni saya kurus, saya minum produk ni saya putih, macam mana keberkesanan tu, adakah berpunca dari produk itu, atau pemakanan individu itu?
18. Kalau kita taip lah nama prof dekat Google banyak artikel yang menyatakan prof ada terbitkan buku, Boleh prof kongsi kan sedikit tentang buku terbitan prof?
19. Prof macam mana kalau untuk mendapatkan buku terbitan prof ?
20. Boleh saya tahu setakat ni berapa banyak dah kajian yang prof lahu kan
21. Research terbaru yang prof lakukan, yang paling latest
22. Untuk satu research tu berapa lama tempoh masa yang diperlukan untuk melengkapkan satu research tu. Lama ke prof?
23. Dengan kesibukan kerja prof kajian menjalankan tugas sebagai seorang isteri prof juga bergiat aktif dengan NGO, Jadi boleh kami tahu program apa yang dijalankan oleh NGO tu?
24. Adakah dengan menyertai NGO menjejaskan tugas prof sebagai seorang doktor dan pensyarah?
25. Bagaimana prof bahagikan masa dengan NGO dengan kerja prof dekat rumah lagi macam mana prof bahagikan masa ?

BAHAGIAN D - PENCAPAIAN

1. Dengan kejayaan yang diperolehi prof sekarang, boleh prof kongsi kepada kami pencapaian-pencapaian yang dianugerahkan kepada prof?
2. Prof sendiri menyertai banyak pertandingan, betul? Bagaimana prof pupuk semangat prof untuk sertai pertandingan tu ?
3. Setiap orang ada benchmark tersendiri untuk diri dia kita ada aimkan bagi prof adakah prof berhasrat untuk menambah kejayaan bagi pencapaian untuk diri prof, macam nak masuk bertanding lagi ke tak nak stop bertanding ke macam mana prof ?
4. Pada tahun 2018, prof dianugerahkan sebagai penerima Tokoh Saidatina Aishah Abu Bakar iaitu tokoh pendidikan boleh prof kongsi kepada kami perasaan prof semasa prof tahu yang prof menerima anugerah tokoh tersebut?
5. Tokoh ni macam saya cakap tadi macam prof cakap jugak dalam bidang pendidikan selain dari bidang tu adakah prof berminat untuk ceburi bidang lain, cuba nak dapatkan Tokoh usahawan pula nanti ?

BAHAGIAN E - SUMBANGAN

1. Prof, tadi prof ada mention pasal PAPISMA, tadi prof ada cerita sedikit pasal sumbangan PAPISMA boleh prof terangkan lagi ?
2. PAPISMA ni semua orang boleh join atau orang-orang tertentu sahaja ?
3. Tadi sumbangan PAPISMA, boleh saya tahu sumbangan prof sendiri terhadap institusi tempat prof bekerja di PPSP lah ?
4. Sekarang masyarakat sendiri, dia perlukan kesedaran yang tinggi tentang sesuatu perkara. Sebagai contoh yang kita bincang tadi Covid-19 kan. Sebagai seorang doktor bagaimana pendekatan yang dilakukan untuk meningkatkan kesedaran bahayanya Covid itu kepada masyarakat ?
5. Selalu doktor ni dia titik beratkan kesihatan, pemakanan kan, Adakah prof menitikberatkan pemakanan yang sihat dalam keluarga prof ?

BAHAGIAN F - HARAPAN

1. Apakah harapan Prof tentang masyarakat sekeliling?
2. Disebalik kejayaan dan sumbangan dari prof, apakah harapan yang tersemat di hati yang masih belum tercapai.
3. Soalan yang terakhir sebelum kita menamatkan sesi temubual, boleh prof kongsi tips dan kata-kata hikmat kepada pelajar untuk jadi salah seorang tokoh Saidatina Aisyah yang hebat dalam bidang pendidikan macam prof?

INDEKS

A

Akar Kayu, 36, 37, 38, 39, 40

Anak, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 14, 15, 16, 19,
22, 26, 27, 29, 30, 31, 34, 37, 43,
46, 48, 49, 62, 68, 72, 74, 75, 76,
77, 78, 79

Anugerah, 63, 64, 65

B

Buku, 13, 53, 54, 55, 56

C

Cemerlang, 9, 11, 18, 58, 63, 71, 80

D

Doktor, 1, 15, 16, 20, 23, 25, 30, 31, 34,
38, 39, 40, 41, 60, 67, 70, 71, 73

F

Farmaseutikal, 37, 51

H

Houseman, 29, 30, 31

K

Kampung, 4, 11, 15, 29, 36, 60

KKM, 33, 36, 37, 51, 52, 59, 63

M

Makanan, 12, 22, 23, 33, 35, 36, 42, 52, 62,
73, 74, 75

Master, 20, 22, 24, 25, 31, 40, 41, 56, 58

Medic, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 25, 36, 40, 50

O

On call, 29, 30

P

PAPISMA, 59, 60, 67, 68, 69, 70, 80

PhD, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27, 28, 32,
34, 54, 58

Public health, 20, 22, 23, 31, 40, 41, 57, 58,
71

S

Steroid, 38

T

Toxic food, 35, 36

U

USM, 1, 9, 14, 15, 17, 20, 21, 22, 24, 25,
29, 33, 40, 59, 63, 70